# KOSMA

# LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

# 2020

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD
(KOSMA)

aftaas®

# KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

Laporan dan Penyata Kewangan
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020

Parker Randall®

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

| **Kandungan** | **Mukasurat** |
|---|---|
| Maklumat Korporat | |
| Laporan Berkanun | 1 |
| Laporan Juruaudit | 2 – 6 |
| Penyata Kedudukan Kewangan | 7 – 9 |
| Penyata Pembahagian Keuntungan | 10 – 11 |
| Penyata Pendapatan | 12 – 13 |
| Penyata Aliran Tunai | 14 – 16 |
| Penyata Pendapatan Ladang | 17 – 18 |
| Penyata Pendapatan Pajak Gadai Ar-Rahnu | 19 – 20 |
| Nota-nota kepada Penyata Kewangan | 21 – 63 |

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

## MAKLUMAT KORPORAT

| | | |
|---|---|---|
| Pentadbir | : | Encik Zahari bin Abdul Aziz |
| Timbalan Pentadbir | : | Encik Radiatul Fitri bin Dollah |
| Pejabat Berdaftar/Alamat Perniagaan | : | B-8032, Jalan Teluk Sisek<br>Sri Kuantan Square<br>25200 Kuantan<br>Pahang Darul Makmur |
| Juruaudit | : | Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AF:1300)<br>No. 50A, Jalan Putra Square 7<br>Putra Square<br>25200 Kuantan<br>Pahang Darul Makmur |
| Bank-Bank Utama | : | Bank Muamalat Malaysia Berhad<br>CIMB Bank Berhad |

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**Laporan Berkanun Pentadbir**
**Mengikut Akta Koperasi 1993 Seksyen 59(1)(c)**

Kami bagi pihak Pentadbir dengan sukacitanya membentangkan Laporan Berkanun dan penyata kewangan KOPERASI dan Kumpulan untuk tahun berakhir 31 Disember 2020

Sesuai dengan kehendak Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan yang diperbuat di bawahnya, kami bagi pihak Pentadbir melaporkan bahawa:

a) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan kaedah yang sedia ada bagi menilai aset dan liabiliti-liabiliti KOPERASI mengelirukan atau tidak sesuai.

b) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh penyata pendapatan, tiada tanggungan luarjangka yang disanggupi oleh KOPERASI yang belum diselesaikan.

c) Pada pandangan Pentadbir, hasil operasi KOPERASI untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 tidak dipengaruhi secara material oleh perkara-perkara yang luarbiasa sifatnya mengikut takrif Seksyen 59 (4), Akta Koperasi 1993.

d) Pentadbir juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah munasabah

e) KOPERASI bercadang untuk membuat peruntukan seperti berikut:

| | RM | % |
|---|---|---|
| Dividen Modal Syer | 18,689,596 | 30 |
| Perkongsian Keuntungan Unit Ladang – RM3,300 seunit | 18,945,300 | - |
| Kumpulan Wang Tabung Kebajikan Anggota | 2,301,199 | 7 |
| Kumpulan Wang Tabung Khairat Kematian | 1,643,714 | 5 |
| Kumpulan Wang Tabung Pendidikan | 328,743 | 1 |
| Kumpulan Wang Tabung Bantuan Ekonomi Anggota | 2,301,199 | 7 |
| Kumpulan Wang Penebusan Syer | 328,743 | 1 |
| Kumpulan Wang Tabung Amanah Yayasan Kosma | 328,743 | 1 |
| Kumpulan Wang Tabung Persaraan | 328,743 | 1 |
| Honorarium Lembaga | 330,000 | - |

Kami bagi pihak Pentadbir, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993 Seksyen 59 (3).

ENCIK ZAHARI BIN ABDUL AZIZ
Pentadbir

ENCIK RADIATUL FITRI BIN DOLLAH
Timbalan Pentadbir

Kuantan

Tarikh 26 APR 2021

aftaas®
AFRIZAN TARMILI KHAIRUL AZHAR
*Chartered Accountants (AF1300)*
No. 50, Jalan Putra Square 7, Putra Square, 25200 Kuantan, Pahang
(609) 517 9330 (609) 513 9339 aftaas@aftaas.com

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**Laporan Juruaudit Bebas Kepada,**
**Anggota-anggota Koperasi Serbausaha Makmur Berhad**
**dan Ketua Pendaftar Koperasi-koperasi Malaysia**

**Laporan mengenai penyata kewangan**

**Pendapat**

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Serbausaha Makmur Berhad, yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Koperasi pada 31 Disember 2020, serta Penyata Pembahagian Keuntungan, Penyata Pendapatan dan Penyata Aliran Tunai bagi Kumpulan dan Koperasi bagi akhir tahun kewangan tersebut, juga dasar-dasar perakaunan yang penting serta nota-nota penjelasan yang lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 7 hingga 63.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disediakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Koperasi pada 31 Disember 2020 serta prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut mengikut Laporan Piawaian Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") dan peruntukan Akta Koperasi 1993 di Malaysia.

**Asas-asas Pendapat**

Kami telah melaksanakan pengauditan kami menurut piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian berkenaan telah dihuraikan dengan lanjut di bawah perenggan tanggungjawab juruaudit bagi audit Penyata Kewangan dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti-bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas yang munasabah bagi pendapat kami.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Kami adalah bebas dan berkecuali daripada Kumpulan dan Koperasi ini menurut By-Laws (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan), Institut Akauntan Malaysia ("By-Laws") dan Kod Etika Antarabangsa bagi Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain menurut By-Laws dan Kod IESBA.

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**Laporan Juruaudit Bebas Kepada,**
**Anggota-anggota Koperasi Serbausaha Makmur Berhad**
**dan Ketua Pendaftar Koperasi-koperasi Malaysia (sambungan)**

**Maklumat Lain Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit**

Pentadbir adalah bertanggungjawab ke atas maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada Laporan Pentadbir tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi dan laporan juruaudit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi tidak merangkumi Laporan Pentadbir dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Pentadbir dan dengan berbuat demikian, kami dapat mempertimbangkan sama ada Laporan Pentadbir tersebut tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi mahupun pengetahuan yang kami perolehi semasa pengauditan atau kesalahan yang ketara.

Berdasarkan kerja yang telah kami jalankan seumpamanya, kami membuat kesimpulan bahawa jika terdapat kesalahan yang ketara di dalam Laporan Pentadbir, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami dapati tiada apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

**Tanggungjawab Pentadbir Terhadap Laporan Kewangan**

Pentadbir adalah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut MPERS dan peruntukan Akta Koperasi 1993 di Malaysia. Pentadbir juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman mengikut keperluan bagi penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi yang bebas daripada kesalahan yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, Pentadbir adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Koperasi untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan dan juga mendedahkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan serta menggunakan asas perakaunan untuk usaha berterusan melainkan jika Pentadbir berhasrat untuk membubarkan Kumpulan dan Koperasi atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**Laporan Juruaudit Bebas Kepada,**
**Anggota-anggota Koperasi Serbausaha Makmur Berhad**
**dan Ketua Pendaftar Koperasi-koperasi Malaysia (sambungan)**

**Tanggungjawab Juruaudit terhadap Laporan Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi secara keseluruhannya adalah bebas daripada kesalahan yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan suatu laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan kesalahan yang ketara apabila ia berlaku. Kesalahan ketara boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap penting sama ada secara individu atau secara terkumpul, ia boleh dijangkakan dengan munasabah dan boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di keseluruhan audit. Kami juga:

i) Mengenal pasti dan menilai risiko kesalahan ketara dalam penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit bersesuaian dengan risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas yang munasabah terhadap pendapat kami. Risiko untuk tidak mengesan kesalahan ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan secara sengaja, gambaran yang salah, atau melangkau kawalan dalaman.

ii) Mendapatkan pemahaman dalam kawalan dalaman yang relevan terhadap audit bagi tujuan merangka prosedur yang bersesuaian, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.

iii) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Pentadbir.

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**Laporan Juruaudit Bebas Kepada,**
**Anggota-anggota Koperasi Serbausaha Makmur Berhad**
**dan Ketua Pendaftar Koperasi-koperasi Malaysia (sambungan)**

**Tanggungjawab Juruaudit terhadap Laporan Kewangan (sambungan)**

iv) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pentadbir, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Kumpulan dan Koperasi untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian wujud, kami dikehendaki untuk melaporkan dalam laporan juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami dibuat berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Kumpulan atau Koperasi untuk berhenti daripada terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan.

v) Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi mewakili urus niaga dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

vi) Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai mengenai maklumat kewangan subsidiari dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab ke atas arah, penyeliaan dan prestasi audit kumpulan. Kami kekal bertanggungjawab ke atas pandangan kami.

Kami berkomunikasi dengan Pentadbir mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan masa pengauditan dan penemuan penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit kami.

aftaas®

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**Laporan Juruaudit Bebas Kepada,**
**Anggota-anggota Koperasi Serbausaha Makmur Berhad**
**dan Ketua Pendaftar Koperasi-koperasi Malaysia (sambungan)**

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain**

Mengikut keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami:

(a) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang berkenaan telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58;

(b) penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-peraturan Koperasi 2010 di Malaysia dan Undang-undang Kecil Koperasi; dan

(c) aset-aset dan liabiliti-liabiliti, di dalam semua aspek yang material dinyatakan dengan saksama menurut dasar-dasar perakaunan.

**Lain-lain perkara**

Laporan ini disediakan hanya untuk anggota-anggota Koperasi, sebagai sebuah badan mengikut Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

AFRIZAN TARMILI KHAIRUL AZHAR
AF : 1300
Akauntan Bertauliah

A ASWAD @ ABDUL RAHIM BIN AHMADUN
No Juruaudit: SKM (B) 0554
Akauntan Bertauliah

Kuantan, Pahang Darul Makmur, Malaysia

Tarikh: 26 APR 2021

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
## PADA TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | | Kumpulan | | Koperasi | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2020** | 2019 | **2020** | 2019 |
| | Nota | **RM** | RM | **RM** | RM |
| **ASET** | | | | | |
| **Aset bukan semasa** | | | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 4 | **270,828,875** | 277,717,191 | **269,672,438** | 276,432,033 |
| Aset Biologi | 5 | **484,639,383** | 554,101,775 | **484,639,383** | 554,101,775 |
| Pelaburan | 6 | **42,442,590** | 33,350,475 | **42,442,590** | 33,350,475 |
| Pelaburan dalam Subsidiari | 7 | - | - | **2,616,127** | 2,616,127 |
| Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu | 8 | **11,648,966** | 11,630,629 | **2,572,500** | 2,572,500 |
| Pelaburan Hartanah | 9 | **36,346,772** | 22,153,618 | **36,346,772** | 22,153,618 |
| Tanah untuk dibangunkan | 10 | - | 12,200,000 | - | 12,200,000 |
| Aset Kumpulan Likuiditi | 11 | **574,316** | 694,197 | **574,316** | 694,197 |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | **846,478,902** | 911,747,885 | **838,864,126** | 904,180,725 |
| **Aset semasa** | | | | | |
| Inventori | 12 | **286,227** | 188,498 | **286,227** | 182,618 |
| Penghutang Perdagangan | 13 | **26,547,805** | 19,390,607 | **26,486,885** | 19,337,945 |
| Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori | 14 | **17,613,216** | 12,000,000 | **17,613,216** | 12,000,000 |
| Pelbagai Penghutang | 15 | **2,154,134** | 2,527,624 | **1,884,973** | 2,339,908 |
| Terhutang oleh Subsidiari | 16 | - | - | **313,856** | 78,273 |
| Deposit, tunai dan bersamaan tunai | 17 | **38,560,576** | 25,697,581 | **37,798,135** | 24,731,359 |
| Cukai Prabayar | 18 | - | 7,870,757 | - | 7,971,897 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | **85,161,958** | 67,675,067 | **84,383,292** | 66,641,998 |
| **JUMLAH ASET** | | **931,640,860** | 979,422,952 | **923,247,418** | 970,822,723 |

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
## PADA TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)

| | Nota | Kumpulan 2020 RM | Kumpulan 2019 RM | Koperasi 2020 RM | Koperasi 2019 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **Modal dan rizab** | | | | | |
| Modal Syer Anggota | 19 | **62,149,650** | 61,560,650 | **62,149,650** | 61,560,650 |
| Unit Ladang Anggota | 20 | **14,233,240** | 13,894,736 | **14,233,240** | 13,894,736 |
| Kumpulan Wang Tabung Kebajikan Anggota | 21 | **2,777,348** | 1,202,049 | **2,777,348** | 1,202,049 |
| Kumpulan Wang Penebusan Syer | 22 | **2,694,343** | 2,365,600 | **2,694,343** | 2,365,600 |
| Kumpulan Wang Tabung Khairat Kematian | 23 | **1,666,979** | 717,255 | **1,666,979** | 717,255 |
| Kumpulan Wang Tabung Pendidikan | 24 | **1,166,891** | 1,080,218 | **1,166,891** | 1,080,218 |
| Kumpulan Wang Tabung Bantuan Ekonomi Anggota | 25 | **2,315,593** | 1,705,594 | **2,315,593** | 1,705,594 |
| Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus | 26 | **5,635,117** | 5,555,117 | **5,635,117** | 5,555,117 |
| Kumpulan Wang Tabung Amanah Yayasan Kosma | | **1,205,577** | 876,934 | **1,205,577** | 876,934 |
| Kumpulan Wang Tabung Persaraan | | **970,309** | 775,546 | **970,309** | 775,546 |
| Rizab Penilaian Semula | 27 | **482,668,857** | 537,000,712 | **482,668,857** | 537,000,712 |
| Rizab Pembangunan | 28 | **10,567,673** | 10,567,673 | **10,567,673** | 10,567,673 |
| Rizab Am Ladang | 29 | **1,621,411** | 597,215 | **1,621,411** | 597,215 |
| Rizab Am | | **12,290** | 12,290 | **12,290** | 12,290 |
| Keuntungan Terkumpul | | **49,261,185** | 42,661,083 | **41,070,464** | 34,175,080 |
| Keuntungan Ladang Terkumpul | | **17,379,390** | 17,168,754 | **17,379,390** | 17,168,754 |
| **Kumpulan Wang Anggota** | | **656,345,863** | 698,541,650 | **648,155,132** | 690,055,637 |
| Kumpulan Wang Rizab Statutori | 30 | **54,381,864** | 52,595,219 | **54,381,864** | 52,595,219 |
| **Jumlah Modal dan Rizab** | | **710,727,727** | 751,136,869 | **702,536,996** | 742,650,856 |
| **Liabiliti bukan semasa** | | | | | |
| Cukai Tertunda | 31 | **168,451,948** | 165,931,695 | **168,644,198** | 166,054,252 |
| **Jumlah Liabiliti Bukan Semasa** | | **168,451,948** | 165,931,695 | **168,644,198** | 166,054,252 |

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
## PADA TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)

| | | Kumpulan | | Koperasi | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2020** | 2019 | **2020** | 2019 |
| | Nota | **RM** | RM | **RM** | RM |
| **Liabiliti semasa** | | | | | |
| Pemiutang Perdagangan | 32 | **523,251** | 551,699 | **453,612** | 456,007 |
| Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi | 33 | **714,658** | 533,977 | **714,658** | 533,977 |
| Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi | 34 | **357,329** | 266,989 | **357,329** | 266,989 |
| Dividen | 35 | **41,242,933** | 32,996,249 | **41,242,933** | 32,996,249 |
| Honorarium Lembaga | 36 | **660,000** | 330,000 | **660,000** | 330,000 |
| Pelbagai Pemiutang | 37 | **6,617,633** | 7,675,474 | **6,472,011** | 7,534,393 |
| Cukai liabiliti | 15 | **2,345,381** | - | **2,165,681** | - |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | **52,461,185** | 42,354,388 | **52,066,224** | 42,117,615 |
| Jumlah Liabiliti | | **220,913,133** | 228,286,565 | **220,710,422** | 228,171,867 |
| **JUMLAH MODAL RIZAB DAN LIABILITI** | | **931,640,660** | 979,422,957 | **923,247,418** | 970,622,723 |

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

## PENYATA PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | | Kumpulan | | Koperasi | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2020 | 2019 | 2020 | 2019 |
| | Nota | RM | RM | RM | RM |
| Keuntungan Bersih Tahun Semasa | | 36,499,643 | 26,266,947 | 36,794,925 | 26,698,862 |
| **(Tolak) : Pelarasan Operasi** | | | | | |
| Pelarasan lebihan pendapatan upah simpan - 2019 | | (1,062,022) | - | (1,062,022) | - |
| Keuntungan Bersih Selepas Pelarasan Operasi | | 35,437,621 | 26,266,947 | 35,732,903 | 26,698,862 |
| **(Tolak) : Pembahagian Berkanun** | | | | | |
| Kumpulan Wang Rizab Statutori – 5% (2019: 12%) | 30 | 1,786,645 | 3,203,883 | 1,786,645 | 3,203,883 |
| Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi – 2% (2019: 2%) | 33 | 714,658 | 533,977 | 714,658 | 533,977 |
| Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi – 1% (2019: 1%) | 34 | 357,329 | 266,969 | 357,329 | 266,969 |
| | | 2,858,632 | 4,004,829 | 2,858,632 | 4,004,829 |
| Keuntungan Selepas Pembahagian Berkanun | | 32,578,989 | 22,262,118 | 32,874,271 | 22,694,033 |
| **(Tolak) :** | | | | | |
| Peruntukan Cukai | 18 | 4,756,860 | 12,100 | 4,756,860 | 12,100 |
| Peruntukan Zakat | | 811,626 | 1,325,596 | 811,626 | 1,325,596 |
| Peruntukan Liabiliti Cukai Tertunda | 31 | - | (1,409) | - | (1,409) |
| | | 5,568,486 | 1,336,287 | 5,568,486 | 1,336,287 |
| Keuntungan Selepas Cukai dan Zakat | | 27,010,503 | 20,925,831 | 27,305,785 | 21,357,746 |
| **(Tolak) : Pembahagian Lain** | | | | | |
| Dividen – 30% (2019: 25%) | 35 | 18,689,595 | 15,390,163 | 18,689,595 | 15,390,163 |
| Kumpulan Wang Tabung Kebajikan Anggota – 7% (2019: 5%) | 21 | 2,301,199 | 1,134,702 | 2,301,199 | 1,134,702 |
| Kumpulan Wang Tabung Khairat Kematian – 5% (2019: 5%) | 23 | 1,643,714 | 1,134,702 | 1,643,714 | 1,134,702 |
| | | 22,634,508 | 17,659,567 | 22,634,508 | 17,659,567 |

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**PENYATA PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

| | | Kumpulan | | Koperasi | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2020** | 2019 | **2020** | 2019 |
| | Nota | **RM** | RM | **RM** | RM |
| Kumpulan Wang Tabung Pendidikan – 1% (2019: 1%) | 24 | **328,743** | 226,940 | **328,743** | 226,940 |
| Kumpulan Wang Tabung Bantuan Ekonomi Anggota – 7% (2019: 5%) | 25 | **2,301,199** | 1,134,702 | **2,301,199** | 1,134,702 |
| Kumpulan Wang Penebusan Syer – 1% (2019: 1%) | 22 | **328,743** | 226,940 | **328,743** | 226,940 |
| Kumpulan Wang Tabung Amanah Yayasan Kosma – 1% (2019: 1%) | | **328,743** | 226,940 | **328,743** | 226,940 |
| Kumpulan Wang Tabung Persaraan – 1% (2019: 1%) | | **328,743** | 226,940 | **328,743** | 226,940 |
| Honorarium Lembaga | 36 | **330,000** | 330,000 | **330,000** | 330,000 |
| | | **26,580,679** | 20,032,029 | **26,580,679** | 20,032,029 |
| Baki Keuntungan yang Belum Dibahagi - bahagikan | | **429,824** | 903,502 | **725,106** | 1,325,717 |
| Campur : Pelarasan Bukan Operasi | | | | | |
| Pelarasan Cukai Tahun-Tahun lalu | 16 | **6,170,278** | 552,712 | **6,170,278** | 552,712 |
| Pelarasan Lebihan Peruntukan Honorarium - 2018 | 36 | **-** | 50,000 | **-** | 50,000 |
| | | **6,170,278** | 602,712 | **6,170,278** | 602,712 |
| Campur: Keuntungan Terkumpul Awal Tahun | | **42,661,093** | 41,154,879 | **34,175,080** | 32,246,651 |
| Keuntungan Terkumpul pada Akhir Tahun | | **49,261,195** | 42,661,093 | **41,070,464** | 34,175,080 |

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

## PENYATA PENDAPATAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | Nota | Kumpulan 2020 RM | Kumpulan 2019 RM | Koperasi 2020 RM | Koperasi 2019 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **Pendapatan** | | | | | |
| **Pendapatan Daripada Aktiviti-aktiviti:** | | | | | |
| Perladangan | | | | | |
| Keuntungan Ladang | | **30,371,868** | 19,596,117 | **30,371,868** | 19,596,117 |
| Yuran Pengurusan Ladang | | **6,985,154** | 4,763,869 | **6,985,154** | 4,763,869 |
| Yuran Pengeluaran Hasil | | **2,971,490** | 3,198,986 | **2,971,490** | 3,198,986 |
| Jualan BTB Kawasan Lebihan Usaha | | **686,535** | - | **686,535** | - |
| | | **41,015,047** | 27,558,972 | **41,015,047** | 27,558,972 |
| Pelaburan | | | | | |
| Dividen dari Pelaburan | | **968,725** | 3,011,792 | **2,512,225** | 4,481,792 |
| Faedah Simpanan Tetap | | **518,239** | 828,363 | **518,239** | 828,363 |
| Keuntungan Syarikat Bersekutu | | **1,659,837** | 1,529,098 | **-** | - |
| | | **3,146,801** | 5,369,253 | **3,030,464** | 5,310,155 |
| Perhotelan | | **951,728** | 1,358,729 | - | - |
| Pajak gadai Ar-Rahnu | | **1,012,348** | 1,951,569 | **1,012,348** | 1,951,569 |
| Pelbagai Pendapatan | | | | | |
| Yuran Masuk Anggota | | **4,500** | 10,200 | **4,500** | 10,200 |
| Hibah Bank | | **218,513** | 319,006 | **218,123** | 318,480 |
| Pelbagai | | **264,114** | 612,938 | **264,114** | 608,785 |
| Sewaan | | **231,280** | 220,500 | **231,280** | 220,500 |
| Pendapatan Pelaburan | | **152,858** | 36,074 | **139,380** | - |
| Subsidi Upah | | **178,800** | - | **-** | - |
| | | **1,050,065** | 1,198,718 | **857,397** | 1,157,965 |
| **Jumlah Pendapatan** | | **47,175,989** | 37,437,241 | **45,915,256** | 35,978,661 |
| Kos Langsung – Perhotelan, Kawasan Lebihan Usaha dan Ar-Rahnu | 38 | **2,118,978** | 1,760,491 | **939,620** | 460,067 |
| **Keuntungan Kasar** | | **45,057,011** | 35,676,750 | **44,975,636** | 35,518,594 |

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

## PENYATA PENDAPATAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)

| | | Kumpulan | | Koperasi | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2020** | 2019 | **2020** | 2019 |
| | Nota | **RM** | RM | **RM** | RM |
| **Perbelanjaan Am** | | | | | |
| Yuran Juruaudit Luar | | **99,500** | 103,200 | **90,000** | 90,000 |
| Perbelanjaan Lembaga | 40 | **768,081** | 916,600 | **757,081** | 892,950 |
| Susutnilai | | **1,629,376** | 1,598,156 | **1,614,416** | 1,583,712 |
| Gaji, Bonus dan Elaun Kakitangan | | **2,288,660** | 2,109,516 | **2,166,836** | 1,943,072 |
| KWSP dan PERKESO | | **376,059** | 317,805 | **368,177** | 293,674 |
| Elaun Perjalanan dan Penginapan | | **77,693** | 122,244 | **73,570** | 99,252 |
| Perubatan | | **92,414** | 92,247 | **87,267** | 71,696 |
| Kebajikan Pekerja | | **17,866** | 25,776 | **14,321** | 23,776 |
| Insuran Kakitangan | | **149,667** | 150,537 | **149,233** | 141,459 |
| Elaun Telefon Kakitangan | | **600** | 3,600 | **600** | 3,600 |
| Tuntutan Balik Perbelanjaan dan Kerja Lebih Masa | | **34,297** | 47,454 | **34,297** | 47,454 |
| Perbelanjaan Mesyuarat Agung | | **112,600** | 1,214,298 | **112,600** | 1,214,208 |
| Kerugian atas Penjualan Pelaburan Tersiarharga | | **4,740** | - | **4,740** | - |
| Rosotnilai Pelaburan | | **131,155** | - | **131,155** | - |
| Pelbagai Perbelanjaan | 39 | **2,774,660** | 2,717,366 | **2,586,426** | 2,414,590 |
| | | **8,557,368** | 9,409,803 | **8,180,711** | 8,819,732 |
| **Keuntungan Bersih Dipindahkan ke Akaun Pembahagian Keuntungan** | | **36,499,643** | 26,260,947 | **36,794,925** | 26,698,882 |

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | | Kumpulan | | Koperasi | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2020 | 2019 | 2020 | 2019 |
| | Nota | RM | RM | RM | RM |
| **Aliran Tunai dari Aktiviti Operasi** | | | | | |
| Keuntungan Bersih Sebelum Cukai | | | | | |
| KOPERASI | | 35,437,621 | 26,266,947 | 35,732,903 | 26,698,862 |
| Ladang | | 25,091,734 | 16,137,138 | 25,091,734 | 16,137,138 |
| | | 60,529,355 | 42,404,085 | 60,824,637 | 42,836,000 |
| Pelarasan untuk: | | | | | |
| Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 4 | 2,350,074 | 2,837,570 | 2,296,384 | 2,780,433 |
| Susutnilai Pelaburan Hartanah | 9 | 418,210 | 372,147 | 418,210 | 372,147 |
| Peruntukan Rizab Am Ladang | 20 | 8,000,000 | 8,000,000 | 8,000,000 | 8,000,000 |
| Lebihan Peruntukan Rizab Am Ladang | 29 | (597,219) | (858,437) | (597,219) | (858,437) |
| Keuntungan Syarikat Bersekutu | | (1,659,837) | (1,529,096) | - | - |
| Pertambahan dalam Pelaburan Syarikat Bersekutu | | - | (1,837,500) | - | (1,837,500) |
| Rosotnilai Pelaburan | | 131,155 | | 131,155 | |
| Kerugian atas Pelupusan Aset | | 17,255 | 150 | 584 | 150 |
| Kerugian atas Penjualan Pelaburan Tersiarharga | | 4,740 | - | 4,740 | - |
| Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan dalam Modal Kerja | | 69,193,733 | 49,388,917 | 71,078,491 | 51,292,793 |
| Perubahan Dalam Modal Kerja: | | | | | |
| (Pertambahan)/ Pengurangan dalam Inventori | | (97,730) | 237,728 | (103,612) | 243,610 |
| Pertambahan dalam Penghutang Perdagangan | | (7,157,198) | (581,009) | (7,148,940) | (593,061) |
| Pengurangan dalam Pelbagai Penghutang | | 373,490 | 125,631 | 454,936 | 178,577 |
| Pertambahan dalam Terhutang oleh Subsidiari | | - | - | (235,583) | (34,361) |
| Pengurangan dalam Pemiutang Perdagangan | | (20,448) | (2,134,582) | (2,395) | (2,187,242) |
| (Pengurangan)/ Pertambahan dalam Pelbagai Pemiutang | | (1,067,841) | 1,996,315 | (1,062,382) | 1,993,666 |
| | | 61,226,006 | 49,032,700 | 62,980,514 | 50,893,982 |

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA ALIRAN TUNAI**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

| | | Kumpulan | | Koperasi | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2020** | 2019 | **2020** | 2019 |
| | Nota | **RM** | RM | **RM** | RM |
| Perubahan dalam Modal Kerja: | | | | | |
| Bayaran Honorarium Lembaga | 36 | **-** | (300,000) | **-** | (300,000) |
| Terimaan Cukai | 19 | **13,531,000** | 10,575 | **13,515,198** | - |
| Bayaran Cukai | 19 | **(7,906,935)** | (6,023,438) | **(7,900,000)** | (6,900,000) |
| Bayaran Zakat | | **(811,626)** | (1,325,596) | **(811,626)** | (1,325,595) |
| **Tunai Bersih Diperolehi dari Aktiviti Operasi** | | **66,038,445** | 40,503,244 | **67,784,086** | 42,367,485 |
| **Aliran Tunai untuk Bayaran Berkanun dan Agihan** | | | | | |
| Bayaran Kumpulan Wang Amanah | | **(800,966)** | (903,304) | **(800,966)** | (903,304) |
| Bayaran Kumpulan Wang Statutori | | **(5,613,216)** | (5,000,000) | **(5,613,216)** | (5,000,000) |
| Pengeluaran Kumpulan Tabung Khairat Kematian | 23 | **(894,000)** | (1,230,500) | **(894,000)** | (1,230,500) |
| Pengeluaran Kumpulan Wang Tabung Kebajikan Anggota | 21 | **(525,900)** | (2,072,600) | **(525,900)** | (2,072,600) |
| Pengeluaran Kumpulan Wang Tabung Bantuan Ekonomi Anggota | 25 | **(1,691,200)** | (1,661,000) | **(1,691,200)** | (1,661,000) |
| Pengeluaran Kumpulan Wang Tabung Pendidikan | 24 | **(222,070)** | (224,940) | **(222,070)** | (224,940) |
| Pengeluaran Kumpulan Wang Tabung Persaraan | | **(134,280)** | (181,080) | **(134,280)** | (181,080) |
| Tambahan Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus | 25 | **80,000** | | **80,000** | - |
| **Tunai Bersih Digunakan dalam Bayaran Berkanun dan Agihan** | | **(9,801,632)** | (11,273,424) | **(9,801,632)** | (11,273,424) |
| **Aliran Tunai dari Aktiviti Pelaburan** | | | | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | 4 | **(858,515)** | (3,227,902) | **(856,875)** | (3,176,802) |
| Pelaburan dalam Hartanah | 9 | **(114,962)** | (569,111) | **(114,962)** | (569,111) |
| Perbelanjaan Pra Tanam dari Rizab Am Ladang | 29 | **(6,378,589)** | (7,402,781) | **(6,378,589)** | (7,402,781) |
| Pelaburan dalam Aset Kumpulan Wang Kecairan | | **119,881** | 14,527 | **119,881** | 14,527 |
| | | **(7,232,185)** | (11,185,267) | **(7,230,545)** | (11,134,167) |

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA ALIRAN TUNAI**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

| | | Kumpulan | | Koperasi | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2020** | 2019 | **2020** | 2019 |
| | Nota | **RM** | RM | **RM** | RM |
| **Aliran Tunai dari Aktiviti Pelaburan** | | | | | |
| Dividen Diterima daripada Syarikat Bersekutu | | **1,543,500** | 1,470,000 | **-** | |
| Pertambahan dalam Pelaburan Syer Tak Tersiarharga | | **-** | (518) | **-** | (518) |
| Perolehan dari Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan | | **3,584** | - | **3,584** | - |
| Perolehan dari Penjualan Pelaburan Syer Tersiarharga | | **907,260** | - | **907,260** | - |
| Pertambahan dalam Pelaburan Dana Pasaran Wang | | **(10,135,270)** | (11,560,717) | **(10,135,270)** | (11,560,717) |
| Pertambahan dalam Pelaburan Syer Tersiarharga | | **-** | (534,515) | **-** | (534,515) |
| **Tunai Bersih Digunakan dalam dari Aktiviti Pelaburan** | | **(14,913,111)** | (21,811,017) | **(16,454,871)** | (23,229,817) |
| **Aliran Tunai dari Aktiviti Pembiayaan** | | | | | |
| Pertambahan Bersih dalam Modal Syer | | **589,000** | 1,823,000 | **589,000** | 1,823,000 |
| Pertambahan Bersih dalam Unit Lacang | | **338,504** | 670,000 | **338,504** | 670,000 |
| Bayaran Dividen | | **(29,388,211)** | (40,910,069) | **(29,388,211)** | (40,910,069) |
| **Tunai Bersih Digunakan dalam Aktiviti Pembiayaan** | | **(28,460,707)** | (38,417,069) | **(28,460,707)** | (38,417,069) |
| **Peningkatan/(Penurunan) Tunai dan Setara Tunai** | | **12,862,996** | (30,998,266) | **13,066,776** | (30,552,924) |
| **Tunai dan Setara Tunai pada Awal Tahun** | | **25,697,581** | 56,695,847 | **24,731,359** | 55,284,283 |
| **Tunai dan Setara Tunai pada Akhir Tahun** | 17 | **38,560,576** | 25,697,581 | **37,798,135** | 24,731,359 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA PENDAPATAN LADANG**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

| | Nota | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|---|
| **Pendapatan** | | | |
| Jualan BTB | | **144,665,686** | 118,155,305 |
| **Kos Jualan** | | | |
| Kos Memproses | | **12,390,765** | 13,263,730 |
| Kos Pengangkutan | | **2,462,326** | 2,606,692 |
| | | **14,853,091** | 15,870,422 |
| **Perbelanjaan Mengurus Ladang** | | | |
| Merumput | | **11,123,375** | 11,429,970 |
| Membaja | | **12,806,457** | 12,357,866 |
| Memungut dan Mengangkut | | **5,270,460** | 5,423,900 |
| Penyelenggaraan Kawasan, Meracun dan Merumput | | **2,472,217** | 3,462,676 |
| Jalan dan Jambatan | | **1,081,140** | 765,181 |
| Memangkas Pelepah | | **1,273,686** | 798,600 |
| Penyelenggaraan Jalan, Jambatan dan Parit | | **97,567** | 129,593 |
| Musuh dan Penyakit | | **161,862** | 107,579 |
| | | 34,286,764 | 34,475,365 |
| **Keuntungan kasar** | | **95,525,831** | 67,809,518 |
| Pelbagai Pendapatan | | **71,032** | 181,608 |
| **Perbelanjaan Pentadbiran Ladang** | | | |
| Perbelanjaan Ibu Pejabat | | **4,915,004** | 4,315,341 |
| Gaji dan Elaun Pekerja | | **5,084,881** | 4,983,470 |
| KWSP dan PERKESO | | **820,034** | 793,569 |
| Perubatan Pekerja | | **129,040** | 126,125 |
| Minyak dan Penyelenggaraan Kenderaan | | **234,980** | 260,552 |
| Yuran Agen Pelawat Ladang | | **2,588,369** | 2,165,125 |
| Elektrik dan Air | | **856,486** | 974,758 |
| Kebajikan Pekerja | | **138,369** | 167,195 |
| Perumahan Kakitangan dan Pekerja | | **488,067** | 574,513 |
| Perbelanjaan Buruh Asing | | **1,831,725** | 1,247,099 |
| Cukai Pintu dan Tanah | | **3,862,075** | 1,544,830 |
| | | 20,949,030 | 17,159,574 |

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

## PENYATA PENDAPATAN LADANG
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)

| | Nota | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|---|
| **Perbelanjaan Pentadbiran Ladang (sambungan)** | | | |
| Baki bawa hadapan | | **20,949,930** | 17,159,574 |
| Insurans | | **559,272** | 524,221 |
| Perbelanjaan Pejabat | | **133,686** | 100,335 |
| Keselamatan | | **502,343** | 476,682 |
| Penyelenggaraan Bangunan | | **100,307** | 70,648 |
| Pelbagai | | **190,423** | 404,548 |
| Malaysian Sustainable Palm Oil ("MSPO") | | **136,775** | - |
| Sewa tanah | | **1,179,019** | 1,470,852 |
| Cukai Keuntungan Luar Biasa | | **1,986,873** | 140,188 |
| Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | | **-** | 150 |
| Stok Lupus | | **7,698** | 5,321 |
| | | **25,746,326** | 20,352,519 |
| | | **69,851,537** | 47,638,687 |
| **(Tolak):** | | | |
| Yuran Pengurusan kepada Koperasi – 10% (2019: 10%) | | **(6,985,154)** | (4,763,869) |
| Peruntukan Rizab Am Ladang | 29 | **(8,000,000)** | (8,000,000) |
| Lebihan Peruntukan Rizab Tahun Sebelum | 29 | **597,219** | 858,437 |
| | | **(14,387,935)** | (11,905,432) |
| Keuntungan Bersih Ladang | | **55,463,602** | 35,733,255 |
| Bahagian Keuntungan KOPERASI – 54.76% (2019: 54.84%) | | **(30,371,868)** | (19,596,117) |
| **Keuntungan Bersih untuk Diagihkan** | | **25,091,734** | 16,137,138 |
| Peruntukan Cukai | 18 | **(5,935,798)** | (3,414,000) |
| Aset Cukai Tertunda | 31 | **-** | 139,481 |
| | | **19,155,936** | 12,862,619 |
| Keuntungan Terkumpul Awal Tahun | | **17,168,754** | 21,427,135 |
| | | **36,324,690** | 34,289,754 |
| Perkongsian Keuntungan Dicadangkan | 35 | **(18,945,300)** | (17,121,000) |
| **Baki Keuntungan Belum Diagihkan** | | **17,379,390** | 17,168,754 |

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

## PENYATA PENDAPATAN PAJAK GADAI AR-RAHNU
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| **Pendapatan** | | |
| Upah Simpan | **1,002,143** | 1,935,090 |
| Daftar Ahli | **7,350** | 6,040 |
| Upah Simpan Lelong | **2,855** | 10,439 |
| | **1,012,348** | 1,951,569 |
| **Kos Langsung** | | |
| Gaji, Bonus dan Elaun Kakitangan | **323,760** | 257,618 |
| KWSP dan PERKESO | **53,482** | 40,292 |
| Insuran Kakitangan | **32,497** | 10,097 |
| Penyelenggaraan Bangunan | **14,296** | 92,175 |
| Insuran Bangunan | **88,642** | 17,558 |
| Penyelenggaraan Peralatan Operasi | **477** | 1,205 |
| Susutnilai | **35,221** | 37,490 |
| Lesen Perniagaan | **778** | 3,632 |
| | **549,153** | 460,067 |
| **Keuntungan Kasar** | **463,195** | 1,491,502 |
| **Pendapatan lain** | | |
| Hibah Bank | **7,101** | 153 |
| Pelaburan | **139,380** | - |
| Pelbagai | **731** | 439 |
| | **610,407** | 1,492,094 |
| **Perbelanjaan** | | |
| Belanja Anggota Lembaga | **1,500** | - |
| Elaun Perjalanan dan Penginapan Kakitangan | **5,433** | 6,901 |
| Cetak dan Alatulis | **19,563** | 26,471 |
| Perbelanjaan Pejabat | **4,655** | 8,499 |
| Telefon, Pos dan Setem | **23,228** | 9,384 |
| Caj Perkhidmatan | **9** | - |
| Elektrik dan Air | **11,742** | 12,286 |
| Elaun Mesyuarat Lain-Lain Jawatankuasa | **4,245** | 4,900 |
| Iklan, Majalah dan Akhbar | **16,068** | 26,231 |
| Kawalan Keselamatan | **193,287** | 146,191 |
| Petak Parking | **3,043** | 3,720 |
| Perubatan | **6,225** | 6,451 |
| Belanja Mesyuarat | **1,048** | 2,800 |
| Caj Bank | **210** | 346 |
| Penyelenggaraan Peralatan Pejabat | **22,501** | 13,390 |
| Kursus dan Seminar | **1,200** | 4,482 |
| Kebajikan pekerja | **2,550** | - |
| | **316,507** | 272,052 |

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA PENDAPATAN PAJAK GADAI AR-RAHNU**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

| | 2020 RM | 2019 RM |
|---|---|---|
| **Perbelanjaan (sambungan)** | | |
| Baki Bawa Hadapan | **316,507** | 272,352 |
| Tuntutan Kerja Lebih Masa Kakitangan | 1,037 | 1,853 |
| Petrol dan Pelincir | 60 | - |
| Uniform | 2,318 | 1,800 |
| Peralatan ICT | - | 960 |
| Perasmian Ar-Rahnu | - | 19,701 |
| SIP | 522 | 318 |
| | 320,444 | 296,984 |
| Keuntungan Bersih Bagi Tahun | 289,963 | 1,195,410 |
| (Tolak): Pelarasan Operasi | | |
| Pelarasan lebihan pendapatan upah simpan - 2019 | (1,062,022) | - |
| (Kerugian)/Keuntungan Bersih Selepas Pelarasan Operasi | (772,059) | 1,195,410 |

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

## 1. KEGIATAN UTAMA KOPERASI

Kegiatan utama KOPERASI adalah di dalam aktiviti perladangan tanaman kelapa sawit, pajak gadai Ar-Rahnu dan pegangan pelaburan. KOPERASI juga bertindak selaku pengurus dan agen yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan ladang. Kegiatan utama Subsidiari dan Syarikat Bersekutu KOPERASI adalah seperti dinyatakan di Nota 7 dan Nota 8 kepada penyata kewangan.

Alamat berdaftar KOPERASI ialah B-8032, Jalan Teluk Sisek, Sri Kuantan Square, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Bilangan pekerja pada akhir tahun ialah 119 orang (2019: 118 orang).

Laporan dan penyata kewangan ini telah diluluskan untuk penerbitan oleh Pentadbir Koperasi pada 26 April 2021.

## 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Kumpulan dan KOPERASI telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah kecuali yang dinyatakan sebaliknya di dalam ringkasan dasar perakaunan di Nota 3 kepada penyata kewangan. Penyata kewangan ini mematuhi Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") dan keperluan keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia.

Namun, terdapat beberapa garis panduan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang masih digunapakai dalam tahun semasa untuk memastikan Kumpulan dan KOPERASI masih menurut dasar perakaunan yang dikehendaki oleh SKM antaranya seperti berikut:

| | |
|---|---|
| GP01 | Garis Panduan Mengenai Kumpulan Wang Rizab Statutori Di Bawah Seksyen 57(1A) dan Perenggan 57(1)(b) Akta Koperasi 1993. |
| GP16 | Garis Panduan Pelaburan Wang Koperasi Di Bawah Seksyen 54 Akta Koperasi 1993. |
| GP20 | Garis Panduan Mengenai Federasi Koperasi Kredit. |
| GP22 | Garis Panduan Permohonan Pembayaran Honorarium Kepada Anggota Lembaga Koperasi |
| GP23 | Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (Pindaan) 2020 |
| GP24 | Garis Panduan Pelaburan Harta Tak Alih |
| GP25 | Garis Panduan Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar Rahnu) |
| GP29 | Garis Panduan Perlaksanaan Akaun Deposit Koperasi |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

**(a) Asas-asas Perakaunan**

(i) Penyata Kewangan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah yang diubahsuaikan dengan penilaian semula tanah tertentu dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan.

(ii) Penyata Kewangan Kumpulan dan KOPERASI yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Koperasi 1993, dan kaedah di bawahnya serta mematuhi piawaian perakaunan dan MPERS dan garis panduan pelaporan penyata kewangan KOPERASI.

**(b) Hartanah, Loji dan Peralatan**

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau penilaian setelah ditolak susutnilai.

Tanah hak milik bebas, perbelanjaan penanaman ladang kelapa sawit dan kerja dalam proses untuk aset dalam pembinaan tidak disusutnilaikan. Tanah pegang pajak dilunaskan di sepanjang jangkamasa pajakan. Bagi semua hartanah, loji dan peralatan yang lain, susutnilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos atau nilai setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Kadar susutnilai yang digunakan bagi hartanah, loji dan peralatan adalah:

| | % |
|---|---|
| Tanah pegang pajak jangka panjang | Sepanjang 71 – 99 tahun |
| Bangunan dan ubahsuai | 2 – 20 |
| Jentera | 10 |
| Kenderaan | 20 |
| Perabot dan kelengkapan | 10 – 20 |
| Komputer | 20 |

**(c) Aset Biologi**

Aset biologi Kumpulan dan KOPERASI adalah ladang kelapa sawit. Perbelanjaan penanaman ladang kelapa sawit baru dan belum matang telah dibawa ke hadapan sebagai kos ladang kelapa sawit belum matang dan ditunjukkan sebagai aset biologi. Perbelanjaan penanaman tersebut akan terhenti dipermodalkan apabila penanaman ladang kelapa sawit telah mencecah tempoh matang. Pelunasan pada ladang kelapa sawit baru dan belum matang bermula apabila mencapai kematangan dan kos ladang kelapa sawit ini akan dipelunaskan sepanjang tempoh hayat ekonomi berguna selama 30 tahun.

**3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**(d) Pelunasan**

Pelunasan tanah pegang pajak jangka panjang yang ditanam dengan kelapa sawit dan perbelanjaan penanaman ladang kelapa sawit akan dikenakan kepada akaun untungrugi dan rizab penilaian semula dengan cara berikut:

(i) Tanah pegang pajak jangka panjang yang tidak dinilai semula telah dipelunaskan sepanjang tempoh masa pajakan selama 99 tahun dan pelunasan ini telah dikenakan ke atas akaun untungrugi.

(ii) Tanah pegang pajak jangka panjang yang telah dinilai semula telah dipelunaskan berdasarkan tempoh masa pajakan yang masih ada selepas tarikh penilaian semula. Pelunasan ke atas kos tanah pegang pajak jangka panjang ini telah dikenakan ke atas akaun untungrugi. Pelunasan ke atas perbezaan di antara kos dan nilai bawaan tanah pegang pajak jangka panjang yang telah dinilaikan dikenakan ke atas rizab penilaian semula.

(iii) Ladang kelapa sawit telah dipelunaskan dengan kadar 4% atau sepanjang usia ekonomi kelapa sawit (iaitu 25 tahun) yang masih ada. Pelunasan akan dikenakan ke atas akaun untungrugi selain daripada pelunasan atas kos ladang kelapa sawit yang telah dinilai semula. Perbezaan pelunasan di antara kos dan nilai bawaan ladang kelapa sawit yang telah dinilai semula dikenakan ke atas rizab penilaian semula.

(iv) Perbelanjaan penanaman akan dipelunaskan apabila ladang kelapa sawit mencapai kematangan.

**(e) Perbelanjaan Penanaman Ladang**

Perbelanjaan penanaman kelapa sawit dan lain-lain perbelanjaan tidak langsung dalam kawasan-kawasan yang belum matang telah dipermodalkan sebagai ladang belum matang dan ditunjukkan sebagai aset tetap.

Perbelanjaan atas ladang yang matang dikenakan ke akaun untungrugi dalam tahun penglibatan.

**(f) Perbelanjaan Tanaman Semula**

Perbelanjaan tanaman ke atas ladang yang ditanam semula selepas ianya mengeluarkan hasil dikenakan ke atas akaun untungrugi pada tahun ianya dibelanjakan.

Perbelanjaan tanaman semula sebelum hasil dikeluarkan akan dikenakan ke rizab am ladang.

**(g) Inventori**

Inventori dinilai pada harga terendah di antara kos dan nilai pasaran bersih. Kos merupakan kos pembelian yang ditentukan di atas asas masuk dahulu keluar dahulu.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

**3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**(h) Penghutang**

Penghutang perniagaan dibawa pada jumlah invois tolak anggaran untuk hutang ragu dan penjejasan kerugian berdasarkan pemeriksaan ke atas jumlah terhutang pada akhir tahun. Hutang lapuk dihapuskan bila dikenalpasti.

**(i) Pelaburan**

HEAD OFFICE : Suite 2.02, Tingkat 2, Jalan Teluk Sisek, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
Tel: 09-5143105 Fax: 09-5158967 E-mail: norilaassociates@gmail.com

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI**
**KOSMA HOLDINGS SDN. BHD. (1083109 - V) - sambungan**
**(Diperbadankan di Malaysia**

**Tanggungjawab Juruaudit terhadap Pengauditan Penyata Kewangan – sambungan**

- Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh pengarah, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk beroperasi sebagai suatu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian wujud, kami dikehendaki menyatakan dalam laporan juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Kumpulan atau Syarikat menghentikan operasi sebagai suatu usaha berterusan.

- Menilai pembentangan secara keseluruhan, struktur dan isi kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili urus niaga dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

- Memperolehi bukti audit yang mencukupi dan sesuai berkenaan maklumat kewangan entiti atau aktiviti perniagaan di dalam Kumpulan bagi mengeluarkan pendapat ke atas penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab ke atas arah, penyediaan dan prestasi kumpulan audit. Kami tetap bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan para pengarah mengenai, antara lain, skop yang telah dirancang dan masa menjalankan audit dan penemuan-penemuan audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan-kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa menjalankan audit.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Kawal Selia Yang Lain**

Menurut keperluan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa :

(a) pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat dan subsidiarinya telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta.

(b) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan anak syarikat yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang bersesuaian dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan, dan kami telah menerima maklumat yang memuaskan dan keterangan yang diperlukan untuk tujuan tersebut.



HEAD OFFICE : Suite 2.92, Tingkat 2, Jalan Teluk Sisek, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
Tel: 09-5143105 Fax: 09-5158967 E-mail: norilaassociates@gmail.com
AF 1324

NORILA & ASSOCIATES
CHARTERED ACCOUNTANTS

mia
Member Firm Of
Malaysian Institute of Accountants

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI KOSMA HOLDINGS SDN. BHD. (1083109 - V) - sambungan**
**(Diperbadankan di Malaysia**

**Perkara-Perkara Lain**

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 266 Akta Syarikat, 2016 di Malaysia dan bukan untuk tujuan yang lain. Kami tidak memikul tanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain mengenai kandungan laporan ini.

**NORILA & ASSOCIATES**
**(AF No : 1324)**
Akauntan-akauntan Bertauliah

**DATIN HAJAH NORILA BINTI HAJI YAHYA**
**[No. : 2116/12/22 (J)]**
Akauntan Bertauliah

KUANTAN
Tarikh: 2 6 APR 2021



HEAD OFFICE : Suite 2.02, Tingkat 2, Jalan Teluk Sisek, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur
Tel: 09-5143105 Fax: 09-5158967 E-mail: norilaassociates@gmail.com

AF 1324

No. Syarikat
1083109 - V

# KOSMA HOLDINGS SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
## PADA 31 DISEMBER 2020

| | | KUMPULAN | | SYARIKAT | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **NOTA** | **2020 RM** | **2019 RM** | **2020 RM** | **2019 RM** |
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | **4** | 1,156,437 | 1,225,158 | 21,747 | 36,707 |
| Pelaburan dalam subsidiari | **5** | - | - | 1,861,315 | 1,861,315 |
| Aset cukai tertunda | **6** | 201,234 | 134,704 | 79,749 | 68,089 |
| | | 1,357,671 | 1,359,862 | 1,962,811 | 1,966,111 |
| **ASET SEMASA** | | | | | |
| Inventori | | - | 5,882 | - | - |
| Penghutang dagangan dan lain-lain penghutang | **7** | 93,833 | 94,535 | 1,814 | 4,919 |
| Terhutang oleh perbadanan induk | **8** | 57,834 | 58,867 | - | - |
| Terhutang oleh subsidiari | | - | - | 61,518 | 61,518 |
| Tunai dan kesetaraan tunai | **9** | 762,441 | 966,222 | 650,649 | 665,880 |
| Jumlah Aset Semasa | | 914,108 | 1,125,506 | 713,981 | 732,317 |
| **JUMLAH ASET** | | **2,271,779** | **2,485,368** | **2,676,792** | **2,698,428** |
| **EKUITI DAN RIZAB** | | | | | |
| Modal saham | **10** | 2,861,315 | 2,861,315 | 2,861,315 | 2,861,315 |
| (Kerugian) terkumpul | | (1,152,207) | (740,588) | (387,651) | (326,849) |
| **JUMLAH EKUITI** | | 1,709,108 | 2,120,727 | 2,473,664 | 2,534,466 |
| **LIABILITI BUKAN SEMASA** | | | | | |
| Liabiliti cukai tertunda | **6** | 8,984 | 12,147 | 1,787 | 3,597 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | | | |
| Pemiutang dagangan dan lain-lain pemiutang | **11** | 215,261 | 241,128 | 126,492 | 96,734 |
| Terhutang kepada perbadanan induk | **8** | 158,726 | 10,226 | 6,080 | 6,080 |
| Percukaian | | 179,700 | 101,140 | 68,769 | 57,551 |
| **Jumlah Liabiliti** | | 562,671 | 364,641 | 203,128 | 163,962 |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | **2,271,779** | **2,485,368** | **2,676,792** | **2,698,428** |

Nota-nota di muka surat 16 hingga 29 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**KOSMA HOLDINGS SDN. BHD.**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## PENYATA PENDAPATAN DAN KERUGIAN TERKUMPUL BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | | KUMPULAN | | SYARIKAT | |
|---|---|---|---|---|---|
| | NOTA | 2020 RM | 2019 RM | 2020 RM | 2019 RM |
| Hasil | 12 | 951,728 | 1,358,729 | - | - |
| Kos jualan dan kos langsung | | (1,179,358) | (1,300,424) | - | - |
| Keuntungan kasar | | (227,630) | 58,305 | - | - |
| Pendapatan lain | | 192,668 | 40,753 | 12,948 | 26,539 |
| Perbelanjaan pentadbiran | | (376,657) | (594,458) | (73,750) | (110,631) |
| (Kerugian) sebelum cukai | 13 | (411,619) | (495,400) | (60,802) | (84,092) |
| Percukaian | 14 | - | - | - | - |
| (Kerugian) bagi tahun kewangan | | (411,619) | (495,400) | (60,802) | (84,092) |
| (Kerugian) terkumpul pada awal tahun | | (740,588) | (245,188) | (326,849) | (242,757) |
| **(Kerugian) terkumpul pada akhir tahun** | | **(1,152,207)** | **(740,588)** | **(387,651)** | **(326,849)** |

| | 2020 RM | 2019 RM |
|---|---|---|
| Kerugian terkumpul diperolehi oleh : | | |
| Syarikat | (387,651) | (326,849) |
| Subsidiari | (764,556) | (413,739) |
| | **(1,152,207)** | **(740,588)** |

Nota-nota di muka surat 16 hingga 29 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# KOSMA HOLDINGS SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

**KUMPULAN**

| | Modal Saham RM | (Kerugian) Terkumpul RM | Jumlah Ekuiti RM |
|---|---|---|---|
| **Baki pada 01 Januari 2019** | 2,861,315 | (245,188) | 2,616,127 |
| (Kerugian) bagi tahun kewangan selepas cukai | - | (495,400) | (495,400) |
| **Baki pada 31 Disember 2019** | **2,861,315** | **(740,588)** | **2,120,727** |
| (Kerugian) bagi tahun kewangan selepas cukai | - | (411,619) | (411,619) |
| **Baki pada 31 Disember 2020** | **2,861,315** | **(1,152,207)** | **1,709,108** |

**SYARIKAT**

| | Modal Saham RM | (Kerugian) Terkumpul RM | Jumlah Ekuiti RM |
|---|---|---|---|
| **Baki pada 01 Januari 2019** | 2,861,315 | (242,757) | 2,618,558 |
| (Kerugian) bagi tahun kewangan selepas cukai | - | (84,092) | (84,092) |
| (Kerugian) dari operasi yang diberhentikan | - | - | - |
| **Baki pada 31 Disember 2019** | **2,861,315** | **(326,849)** | **2,534,466** |
| (Kerugian) bagi tahun kewangan selepas cukai | - | (60,802) | (60,802) |
| **Baki pada 31 Disember 2020** | **2,861,315** | **(387,651)** | **2,473,664** |

Nota-nota di muka surat 16 hingga 29 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**KOSMA HOLDINGS SDN. BHD.**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | | KUMPULAN | | SYARIKAT | |
|---|---|---|---|---|---|
| | NOTA | 2020<br>RM | 2019<br>RM | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | | | | |
| (Kerugian) sebelum cukai | | (411,619) | (495,400) | (60,802) | (84,092) |
| Pelarasan untuk : | | | | | |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | | 53,690 | 57,138 | 14,960 | 14,444 |
| Pelunasan muhibah penyatuan | | - | 4,387 | - | - |
| Pelupusan hartanah, loji dan peralatan | | 16,671 | - | - | - |
| (Kerugian) operasi sebelum perubahan dalam modal kerja | | (341,258) | (433,875) | (45,842) | (69,648) |
| Pengurangan / (Pertambahan) dalam inventori | | 5,882 | (5,882) | - | - |
| Pengurangan / (Pertambahan) dalam penghutang dagangan dan lain-lain penghutang | | 702 | (1,649) | 3,105 | 7,430 |
| (Pengurangan) / Pertambahan dalam pemiutang dagangan dan lain-lain pemiutang | | (25,867) | 53,162 | 29,758 | (848) |
| Pengurangan / (Pertambahan) bersih dalam terhutang oleh / kepada perbadanan induk | | 149,533 | (2,137) | - | - |
| (Pertambahan) dalam subsidiari | | - | - | - | (40,432) |
| Tunai (digunakan dalam) dari aktiviti operasi | | (211,008) | (390,381) | (12,979) | (103,498) |
| Bayaran cukai | | (6,935) | (3,860) | (2,252) | - |
| Bayaran balik cukai | | 15,802 | - | - | - |
| Tunai bersih (digunakan dalam) aktiviti operasi | | (202,141) | (394,241) | (15,231) | (103,498) |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | | | | |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan | | (1,640) | (51,101) | - | - |
| Tunai bersih (digunakan dalam) aktiviti pelaburan | | (1,640) | (51,101) | - | - |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | - | - | - | - |
| (Pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | | (203,781) | (445,342) | (15,231) | (103,498) |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada 01 Januari** | | **966,222** | **1,411,564** | **665,880** | **769,378** |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember** | **9** | **762,441** | **966,222** | **650,649** | **665,880** |

Nota-nota di muka surat 16 hingga 29 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# KOSMA HOLDINGS SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 1. MAKLUMAT AM

Syarikat adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Pejabat berdaftar Syarikat beralamat di Suite 1, B-12, Jalan Tun Ismail 1/1, Kuantan Perdana, 25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Tempat perniagaan utama Syarikat beralamat di B-12, Tingkat Bawah, Jalan Tun Ismail, Kuantan Perdana, 25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Aktiviti utama Syarikat ialah pemegang pelaburan dan pembangunan hartanah. Aktiviti utama subsidiari adalah di dalam perhotelan, kafetaria dan penyewaan premis.

Syarikat adalah sebuah anak syarikat milikan penuh Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA), sebuah badan Koperasi yang diperbadankan di bawah Akta Koperasi 1948 (Semakan 1993).

Matawang fungsian Kumpulan dan Syarikat adalah Ringgit Malaysia (“RM”), dimana aktiviti utama jualan dan pembelian adalah dalam RM, perolehan daripada operasi biasanya disimpan dalam RM dan dana daripada aktiviti pembiayaan terutamanya diperolehi dalam RM.

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah pada 26 April 2021.

### 2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan telah disediakan pada asas kos sejarah dan telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") dan peruntukan Akta Syarikat Malaysia 2016.

### 3. DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten di dalam perkara-perkara yang dianggap penting berkaitan dengan penyata kewangan.

## 3. DASAR PERAKAUNAN PENTING - sambungan

### 3.1 Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan merangkumi penyata kewangan pemilik induk dan kesemua subsidiari. Subsidiari adalah entiti dikawal oleh pemilik induk. Kawalan wujud apabila pemilik induk mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Pelaburan dalam subsidiari diambilkira dalam penyata kewangan berasingan Syarikat pada kos ditolak sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Keuntungan dan perbelanjaan subsidiari disertakan dalam penyata kewangan disatukan bermula dari tarikh pengambilalihan sehingga tarikh dimana pemilik induk terhenti mengawal subsidiari. Sebarang perbezaan di antara perolehan daripada pelupusan subsidiari dan nilai bawaan pada tarikh pelupusan, tidak termasuk sebarang amaun terkumpul perbezaan terjemahan yang berkaitan dengan subsidiari asing diiktiraf dalam ekuiti, diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif disatukan sebagai keuntungan atau kerugian pada pelupusan subsidiari.

Penyata kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang seragam bagi urusniaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama.

Kepentingan bukan kawalan dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan dalam ekuiti, secara berasingan daripada ekuiti yang boleh diagihkan kepada pemilik induk. Kepentingan bukan kawalan juga didedahkan secara berasingan di dalam penyata pendapatan komprehensif disatukan.

Semua baki, urusniaga di antara Kumpulan, termasuk pendapatan dan perbelanjaan dihapuskan sepenuhnya.

### 3.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos sesuatu item bagi hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Syarikat dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat. Selepas diiktiraf sebagai aset, semua item hartanah, loji dan peralatan adalah diukur pada kos ditolak sebarang susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

# KOSMA HOLDINGS SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 - sambungan

### 3. DASAR PERAKAUNAN PENTING - sambungan

3.2 Hartanah, Loji dan Peralatan - sambungan

Kecuali bagi tanah pegangan bebas dan hartanah di bawah pembinaan yang tidak disusutnilai, susutnilai disediakan atas kaedah garis lurus untuk menghapuskira amaun yang boleh disusutnilai sepanjang jangka hayat bergunanya, seperti berikut :

| | % |
|---|---|
| Komputer dan perisian | 10 - 20 |
| Perabot dan kelengkapan | 20 |
| Bangunan dan ubahsuai | 20 |
| Peralatan pejabat | 10 |

Susutnilai aset bermula apabila ianya sedia untuk digunakan.

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, hayat berguna atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

Amaun bawaan bagi item hartanah, loji dan peralatan tidak lagi diiktiraf ke atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan item hartanah, loji dan peralatan, ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih, jika ada, dan amaun bawaan item, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Sama ada perolehan jualan atau sebarang keuntungan ke atas pelupusan tidak dikelaskan sebagai hasil.

3.3 Muhibah

Muhibah yang diambilalih dalam penggabungan perniagaan, yang merupakan lebihan kos penggabungan perniagaan ke atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset yang boleh dikenalpasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang diiktiraf, pada mulanya diukur pada kos dan diiktiraf sebagai aset. Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

## 3. DASAR PERAKAUNAN PENTING - sambungan

### 3.3 Muhibah - sambungan

Bagi tujuan ujian rosotnilai, muhibah diperuntukan, pada tarikh pengambilalihan, kepada setiap unit penjanaan tunai Kumpulan yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi gabungan, tidak kira sama ada aset atau liabiliti lain Syarikat yang diambilalih ditempatkan kepada unit-unit tersebut. Unit penjanaan tunai di mana muhibah telah diperuntukkan diuji untuk rosotnilai setiap tahun, dan apabila terdapat tanda bahawa unit mungkin mengalami rosotnilai, dengan membandingkan amaun bawaan unit, termasuk muhibah, dengan amaun boleh pulih unit. Kerugian rosotnilai diiktiraf bagi unit penjanaan tunai apabila amaun boleh pulih unit kurang daripada amaun bawaan unit. Sebarang kerugian rosotnilai yang diiktiraf diperuntukkan kepada unit dan kemudian, kepada aset bukan semasa lain bagi unit pro rata berdasarkan asas amaun bawaan bagi setiap aset yang terpakai dalam unit. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf untuk muhibah tidak ditimbal semula pada tempoh kemudiannya.

### 3.4 Inventori

Inventori adalah diukurkan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan anggaran harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan. Kos inventori terdiri daripada semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang dilibatkan dalam membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasanya. Kos inventori diukur dengan menggunakan kaedah masuk dahulu keluar dahulu.

Pada setiap tarikh pelaporan, inventori dinilai untuk rosotnilai. Jika sesuatu item inventori dirosotnilai, amaun bawaan dikurangkan kepada harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan; kerugian rosotnilai diiktiraf dengan serta merta dalam keuntungan atau kerugian. Pada setiap tarikh pelaporan kemudian, Syarikat membuat penilaian baru harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan. Jika terdapat sebarang tanda bahawa kerugian rosotnilai diiktiraf dalam tempoh sebelumnya mungkin tidak lagi wujud atau apabila terdapat bukti jelas peningkatan dalam harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan disebabkan oleh perubahan keadaan ekonomi, kerugian rosotnilai dibalikkan setakat di mana amaun bawaan baru adalah lebih rendah antara kos dan harga jualan yang disemak semula ditolak kos untuk siapan dan jualan.

### 3.5 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori : aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

## 3. DASAR PERAKAUNAN PENTING - sambungan

### 3.6 Liabiliti and Ekuiti

#### (a) Instrumen Ekuiti

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

Instrumen ekuiti adalah sebarang kontrak yang berbukti baki kepentingan dalam aset Kumpulan dan Syarikat selepas ditolak semua liabilitinya. Instrumen ekuiti diterbitkan oleh Kumpulan dan Syarikat adalah diukur pada nilai saksama tunai atau sumber lain diterima, selepas ditolak kos langsung terbitan instrumen ekuiti. Sekiranya bayaran ditunda dan nilai masa wang adalah ketara, pengukuran awal hendaklah berdasarkan pada asas nilai semasa.

#### (b) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosotnilai.

### 3.7 Cukai Pendapatan

Cukai yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh dicukai bagi tempoh semasa dan lalu diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa setakat yang tidak terbayar. Jika amaun yang dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan lalu melebihi amaun yang perlu dibayar bagi tempoh-tempoh itu, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa.

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada amaun yang dijangka akan dibayar atau dipulih, menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

Liabiliti dan aset cukai semasa diimbangi hanya apabila Kumpulan dan Syarikat mempunyai hak yang sah disisi undang-undang untuk mengimbangkan amaun dan berhasrat sama ada untuk menyelesaikan pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

## 3. DASAR PERAKAUNAN PENTING - sambungan

### 3.8 Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukan sepenuhnya ke atas perbezaan sementara yang merupakan perbezaan di antara amaun bawaan dalam penyata kewangan dan asas cukai yang sama bagi aset dan liabiliti pada akhir tempoh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai yang dijangka meningkatkan keuntungan boleh dicukai pada masa depan. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak yang dijangka akan mengurangkan keuntungan boleh cukai pada masa depan dan kerugian cukai tidak digunakan yang dibawa ke hadapan dan kredit cukai yang tidak digunakan.

Liabiliti dan aset cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa urusniaga, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai. Liabiliti cukai tertunda juga tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal muhibah.

Liabiliti dan aset cukai tertunda menggambarkan akibat cukai yang akan mengikuti daripada cara Syarikat menjangkakan untuk mendapatkan semula atau menyelesaikan amaun bawaan aset dan liabiliti dan diukur pada kadar cukai dan undang-undang yang dijangka akan digunakan untuk tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

### 3.9 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai dalam penyata aliran tunai meliputi baki di tangan, bank, dan deposit

### 3.10 Hasil

Hasil diukur pada nilai saksama atas pertimbangan yang diterima atau akan diterima, selepas ditolak sebarang diskaun perdagangan, diskaun penyelesaian segera, jumlah rebat dan cukai tidak langsung yang terpakai kepada hasil.

## 3. DASAR PERAKAUNAN PENTING - sambungan

### 3.10 Hasil - sambungan

(a) Jualan Runcit

Hasil daripada jualan barangan runcit diiktiraf apabila semua syarat-syarat berikut telah

- Kumpulan dan Syarikat telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan barangan yang ketara kepada pembeli;

- Kumpulan dan Syarikat tidak mengekalkan sama ada penglibatan pengurusan berterusan sehingga ke tahap yang biasanya dikaitkan dengan pemilikan mahupun kawalan penuh ke atas barangan yang dijual;

- amaun hasil boleh diukur dengan pasti

- ia adalah berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusniaga akan mengalir kepada Kumpulan dan Syarikat; dan

- kos yang terlibat atau akan dilibatkan berhubung urusniaga boleh diukur dengan

(b) Hasil Sewa

Hasil sewa adalah diiktiraf pada asas terimaan apabila bilik diduduki, manakala hasil sewa hartanah diiktiraf pada asas akuan selaras dengan isi perjanjian apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manafaat ekonomi yang berkaitan dengan urusniaga akan mengalir kepada Syarikat dan amaun hasil boleh diukur dengan munasabah.

(c) Pelaksanaan Perkhidmatan

Hasil daripada pelaksanaan perkhidmatan diiktiraf dengan merujuk kepada peringkat penyiapan urusniaga tersebut pada akhir tempoh pelaporan apabila hasil urusniaga tersebut boleh dianggarkan dengan pasti. Peringkat penyiapan ditentu berdasarkan kepada nisbah kos yang ditanggung bagi perkhidmatan yang diberikan sehingga tarikh terkini kepada anggaran jumlah

**KOSMA HOLDINGS SDN. BHD.**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 - sambungan**

## 3. DASAR PERAKAUNAN PENTING - sambungan

3.10 Hasil - sambungan

(d) Keuntungan simpanan

Keuntungan simpanan diiktiraf mengikut asas akruan dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

## 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

**KUMPULAN**

| | Tanah RM | Stok Asas RM | Komputer dan Perisian RM | Perabot dan Kelengkapan RM | Bangunan, Ubahsuai dan Papan Tanda RM | Peralatan Pejabat RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | | | | |
| Pada 01 Januari 2020 | 813,350 | 21,090 | 43,914 | 225,634 | 1,166,868 | 47,828 | 2,318,684 |
| Tambahan | - | - | - | 1,640 | - | - | 1,640 |
| Pelupusan | - | - | - | (20,839) | - | - | (20,839) |
| Pada 31 Disember 2020 | 813,350 | 21,090 | 43,914 | 206,435 | 1,166,868 | 47,828 | 2,299,485 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | | | |
| Pada 01 Januari 2020 | - | - | 14,421 | 160,189 | 887,621 | 31,295 | 1,093,526 |
| Tambahan | - | - | 8,111 | 18,361 | 25,184 | 2,034 | 53,690 |
| Pelupusan | - | - | - | (4,168) | - | - | (4,168) |
| Pada 31 Disember 2020 | - | - | 22,532 | 174,382 | 912,805 | 33,329 | 1,143,048 |
| **Amaun Bawaan** | | | | | | | |
| **Pada 31 Disember 2019** | **813,350** | **21,090** | **29,493** | **65,445** | **279,247** | **16,533** | **1,225,158** |
| **Pada 31 Disember 2020** | **813,350** | **21,090** | **21,382** | **32,053** | **254,063** | **14,499** | **1,156,437** |

## 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - sambungan

**SYARIKAT**

| | Komputer dan Perisian RM | Perabot dan Kelengkapan RM | Bangunan, Ubahsuai dan Papan Tanda RM | Peralatan Pejabat RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | | |
| Pada 01 Januari 2020 | 28,978 | 22,799 | 23,393 | 2,665 | 77,835 |
| Tambahan | - | - | - | - | - |
| Pada 31 Disember 2020 | 28,978 | 22,799 | 23,393 | 2,665 | 77,835 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | |
| Pada 01 Januari 2020 | 11,881 | 14,353 | 13,292 | 1,602 | 41,128 |
| Tambahan | 5,504 | 4,376 | 4,679 | 401 | 14,960 |
| Pada 31 Disember 2020 | 17,385 | 18,729 | 17,971 | 2,003 | 56,088 |
| **Amaun Bawaan** | | | | | |
| **Pada 31 Disember 2019** | **17,097** | **8,446** | **10,101** | **1,063** | **36,707** |
| **Pada 31 Disember 2020** | **11,593** | **4,070** | **5,422** | **662** | **21,747** |

## 5. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

| | KUMPULAN | | SYARIKAT | |
|---|---|---|---|---|
| | **2020 RM** | **2019 RM** | **2020 RM** | **2019 RM** |
| Pelaburan dalam subsidiari | - | - | 1,861,315 | 1,861,315 |
| Tolak : Peruntukan rosotnilai terkumpul | - | - | - | - |
| | **-** | **-** | **1,861,315** | **1,861,315** |

**KOSMA HOLDINGS SDN. BHD.**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 - sambungan

### 5. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI - sambungan

Keterangan bagi subsidiari adalah :-

| Nama Syarikat | Tempat Diperbadankan | Modal berbayar RM | Kepentingan berkesan 2020 % | Kepentingan berkesan 2019 % | Kegiatan utama |
|---|---|---|---|---|---|
| *Kosma Tourism Sdn. Bhd. (289379 - H) | Malaysia | 1,861,315 | 100 | 100 | Perhotelan, kafetaria dan penyewaan premis |

*Diaudit oleh Norila & Associates (AF 1324)

### 6. ASET / (LIABILITI) CUKAI TERTUNDA

| | KUMPULAN 2020 RM | KUMPULAN 2019 RM | SYARIKAT 2020 RM | SYARIKAT 2019 RM |
|---|---|---|---|---|
| **Aset cukai tertunda** | | | | |
| Elaun modal belum diserap | 20,402 | 15,376 | 9,137 | 8479 |
| Kerugian cukai belum digunakan | 180,832 | 119,328 | 70,612 | 59,610 |
| Perbezaan sementara hartanah, loji dan peralatan bercukai | - | - | - | (3,597) |
| | 201,234 | 134,704 | 79,749 | 64,492 |
| Liabiliti cukai tertunda dilaporkan semula | - | - | - | 3,597 |
| **Dilaporkan semula** | **201,234** | **134,704** | **79,749** | **68,089** |
| **Liabiliti cukai tertunda** | | | | |
| Perbezaan sementara hartanah, loji dan peralatan bercukai | **8,984** | **12,147** | **1,787** | **3,597** |
| | 192,250 | 122,557 | 77,962 | 64,492 |

## 7. PENGHUTANG DAGANGAN DAN LAIN-LAIN PENGHUTANG

| | KUMPULAN | | SYARIKAT | |
|---|---|---|---|---|
| | 2020 RM | 2019 RM | 2020 RM | 2019 RM |
| Penghutang perdagangan | 124 | 52,662 | 124 | 123 |
| Lain-lain penghutang | 60,796 | 3,106 | - | 3,106 |
| Deposit dan prabayar | 32,913 | 38,767 | 1,690 | 1,690 |
| | **93,833** | **94,535** | **1,814** | **4,919** |

## 8. TERHUTANG OLEH / KEPADA PERBADANAN INDUK

Perbadanan induk ialah Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA), sebuah badan Koperasi yang diperbadankan di bawah Akta Koperasi 1948 (Semakan 1993). Jumlah terhutang oleh / kepada perbadanan induk adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tanpa tempoh pembayaran balik yang tetap.

## 9. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Polisi pengurusan tunai Kumpulan dan Syarikat adalah menggunakan tunai, baki di bank dan deposit tetap Syarikat yang belum matang untuk menguruskan aliran tunai bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk memenuhi obligasi Kumpulan dan Syarikat.

Komponen tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada :-

| | KUMPULAN | | SYARIKAT | |
|---|---|---|---|---|
| | 2020 RM | 2019 RM | 2020 RM | 2019 RM |
| Tunai di tangan | 4,838 | 6,483 | - | - |
| Baki di bank | 250,565 | 337,239 | 143,611 | 143,380 |
| Deposit tetap | 507,038 | 622,500 | 507,038 | 522,500 |
| | **762,441** | **966,222** | **650,649** | **665,880** |

**KOSMA HOLDINGS SDN. BHD.**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 - sambungan

### 10. MODAL SAHAM

**KUMPULAN**

| | 2020 | | 2019 | |
|---|---|---|---|---|
| | **Bilangan Unit** | **Amaun RM** | **Bilangan Unit** | **Amaun RM** |
| **Modal saham diterbitkan dan dibayar penuh:** | | | | |
| Saham biasa dengan tiada nilai nominal | **2,861,315** | **2,861,315** | **2,861,315** | **2,861,315** |

**SYARIKAT**

| | 2020 | | 2019 | |
|---|---|---|---|---|
| | **Bilangan Unit** | **Amaun RM** | **Bilangan Unit** | **Amaun RM** |
| **Modal saham diterbitkan dan dibayar penuh:** | | | | |
| Saham biasa dengan tiada nilai nominal | **2,861,315** | **2,861,315** | **2,861,315** | **2,861,315** |

### 11. PEMIUTANG DAGANGAN DAN LAIN-LAIN PEMIUTANG

| | KUMPULAN | | SYARIKAT | |
|---|---|---|---|---|
| | **2020 RM** | **2019 RM** | **2020 RM** | **2019 RM** |
| Pemiutang dagangan | 126,492 | 95,692 | 1,439 | 746 |
| Lain-lain pemiutang dan akruan | 88,769 | 145,436 | 125,053 | 95,988 |
| | **215,261** | **241,128** | **126,492** | **96,734** |

# KOSMA HOLDINGS SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 - sambungan

### 12. HASIL

| | KUMPULAN | | SYARIKAT | |
|---|---|---|---|---|
| | 2020<br>RM | 2019<br>RM | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
| Sewa bilik hotel | 672,600 | 1,028,545 | - | - |
| Sewaan premis | 15,675 | 20,800 | - | - |
| Sewaan dewan | 16,012 | 10,325 | - | - |
| Jualan kafeteria | 247,441 | 299,059 | - | - |
| | **951,728** | **1,358,729** | **-** | **-** |

### 13. (KERUGIAN) SEBELUM CUKAI

Kerugian sebelum cukai diperolehi :

| | KUMPULAN | | SYARIKAT | |
|---|---|---|---|---|
| Selepas dikenakan : | 2020<br>RM | 2019<br>RM | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
| Yuran pengurusan perbadanan induk | 36,000 | 36,000 | 36,000 | 36,000 |
| Elaun mesyuarat pengarah | 11,000 | 23,650 | 2,500 | 11,000 |
| Perjalanan dan penginapan pengarah | 5,557 | 20,758 | - | - |
| Insuran pengarah | 3,539 | 9,078 | 3,105 | - |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | 53,690 | 57,138 | 14,960 | 14,444 |
| Imbuhan juruaudit | | | | |
| - tahun semasa | 9,500 | 10,150 | 3,500 | 3,500 |
| -terkurang peruntuk tahun lalu | - | 3,050 | - | - |
| Peulupusan hartanah, loji dan peralatan | 16,671 | - | - | - |
| Dan dikreditkan : | | | | |
| Keuntungan simpanan Mudharabah | 13,478 | 36,074 | 12,558 | 22,500 |
| Hibah bank | 390 | 526 | 390 | 526 |

## 14. PERCUKAIAN

Tiada cukai dikenakan bagi tahun ini kerana Kumpulan dan Syarikat di dalam kerugian cukai. Pada 31 Disember 2020, Kumpulan dan Syarikat mempunyai kerugian cukai belum diserap masing-masing sebanyak RM588,434 dan RM294,217 (2019 : RM248,375) dan elaun modal masing-masing sebanyak RM 76,140 dan RM38,070 (2019: RM35,331) yang boleh diserapkan oleh keuntungan akan datang yang akan dikenakan cukai sehingga tahun taksiran 2026. Ini adalah tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

## 15. ANGKA BANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka perbandingan tertentu di dalam penyata kewangan telah disusun semula untuk disesuaikan dengan persembahan tahun semasa dengan tidak memberi apa-apa kesan ke atas kedudukan kewangan tahun berkenaan.

## 16. PERISTIWA PENTING

Pada 16 Mac 2020, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bagi membendung penyebaran wabak COVID-19 di Malaysia. Pelaksanaan perintah ini berdasarkan Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1987.

Wabak COVID-19 telah merebak dengan pantas pada tahun 2020 dengan sejumlah besar jangkitan. Pelbagai langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk membendung virus ini dan langkah tersebut telah mempengaruhi kegiatan ekonomi di Malaysia.

Pihak Syarikat telah mengambil beberapa tindakan untuk memantau dan mencegah virus COVID-19 terutama langkah keselamatan dan kesihatan untuk kakitangan (seperti penjarakan sosial dan bekerja di rumah) dan menjamin bekalan bahan keperluan bagi proses pengeluaran Syarikat adalah mencukupi. Pada masa ini, kesan wabak COVID-19 terhadap perniagaan dan hasil Syarikat adalah terhad untuk dikenalpasti. Pihak kami akan terus mematuhi pelbagai dasar dan nasihat yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan. Namun pada masa yang sama pihak Syarikat akan melakukan yang terbaik untuk meneruskan operasi Syarikat tanpa membahayakan kesihatan kakitangan.

## 17. KEBENARAN BAGI TERBITAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Syarikat telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah pada 26 April 2021.

No. Syarikat
1083109 - V

**KOSMA HOLDINGS SDN. BHD.**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF TERPERINCI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | KUMPULAN | | SYARIKAT | |
|---|---|---|---|---|
| | **2020** | **2019** | **2020** | **2019** |
| | **RM** | **RM** | **RM** | **RM** |
| **PENDAPATAN** | | | | |
| Sewa bilik hotel | 672,600 | 1,028,545 | - | - |
| Sewaan premis | 16,012 | 20,800 | - | - |
| Sewaan dewan | 15,675 | 10,325 | - | - |
| Jualan kafeteria | 247,441 | 299,059 | - | - |
| | 951,728 | 1,358,729 | - | - |
| **KOS LANGSUNG** | | | | |
| Gaji dan elaun | 504,930 | 590,404 | - | - |
| KWSP | 59,796 | 65,856 | - | - |
| PERKESO | 8,837 | 9,780 | - | - |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | 38,730 | 42,694 | | |
| Cucian linen / dobi | 32,392 | 51,357 | - | - |
| Pembaikan dan penyelenggaraan | 57,656 | 68,259 | - | - |
| Barang keperluan bilik | 28,529 | 28,629 | - | - |
| Barang keperluan kafeteria | 202,062 | 141,303 | - | - |
| Sewa kafeteria | 10,500 | 16,500 | - | - |
| Perubatan | 14,055 | 13,125 | - | - |
| Eletrik dan air | 155,859 | 222,133 | - | - |
| Telefon dan faks | 16,007 | 19,597 | - | - |
| Cukai pintu dan taksiran | 4,750 | 5,247 | - | - |
| Insuran kakitangan | 11,002 | 22,610 | - | - |
| Insuran bangunan | 3,486 | 1,901 | - | - |
| Lesen perniagaan | 13,905 | 6,911 | - | - |
| Penyelenggaraan kenderaan | 191 | - | - | - |
| Peulupusan hartanah, loji dan peralatan | 16,671 | - | - | - |
| | 1,179,358 | 1,306,306 | - | - |
| **INVENTORI AKHIR** | - | (5,882) | - | - |
| | 1,179,358 | 1,300,424 | - | - |
| **(KERUGIAN) / KEUNTUNGAN KASAR** | **(227,630)** | **58,305** | **-** | **-** |

No. Syarikat
1083109 - V

**KOSMA HOLDINGS SDN. BHD.**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF TERPERINCI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 - sambungan

| | LAMPIRAN | KUMPULAN | | SYARIKAT | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2020 RM** | **2019 RM** | **2020 RM** | **2019 RM** |
| **PENDAPATAN LAIN** | | | | | |
| Keuntungan simpanan Mudharabah | | 13,478 | 36,074 | 12,558 | 22,500 |
| Hibah bank | | 390 | 526 | 390 | 526 |
| Pelbagai pendapatan | | 178,800 | 4,153 | - | 3,513 |
| | | 192,668 | 40,753 | 12,948 | 26,539 |
| | | (34,962) | 99,058 | 12,948 | 26,539 |
| **PERBELANJAAN PENTADBIRAN** | **2** | (376,657) | (594,458) | (73,750) | (110,631) |
| **(KERUGIAN) BAGI TAHUN** | | **(411,619)** | **(495,400)** | **(60,802)** | **(84,092)** |

# KOSMA HOLDINGS SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## PERBELANJAAN PENTADBIRAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | KUMPULAN | | SYARIKAT | |
|---|---|---|---|---|
| | 2020<br>RM | 2019<br>RM | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
| **KOS PEKERJA** | | | | |
| Gaji pekerja | 121,822 | 166,444 | - | - |
| KWSP | 15,544 | 20,988 | - | - |
| PERKESO | 2,338 | 3,147 | - | - |
| Elaun | - | 70 | - | 70 |
| | 139,704 | 190,649 | - | 70 |
| **LAIN-LAIN PERBELANJAAN** | | | | |
| Elaun mesyuarat pengarah | 11,000 | 23,650 | 2,500 | 11,000 |
| Yuran pengurusan perbadanan induk | 36,000 | 36,000 | 36,000 | 36,000 |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | 14,960 | 14,444 | 14,960 | 14,444 |
| Cetak dan alatulis | 17,717 | 18,970 | 2,015 | 2,337 |
| Imbuhan juruaudit | | | | |
| - tahun semasa | 9,500 | 10,150 | 3,500 | 3,500 |
| - terkurang peruntuk tahun lalu | - | 3,050 | - | - |
| Perjalanan dan penginapan | 4,123 | 22,922 | 4,123 | 21,405 |
| Perubatan | 5,157 | 10,352 | - | 140 |
| Belanja mesyuarat | 1,321 | 2,202 | 651 | 1,435 |
| Penyelenggaraan dan pembaikan | 120 | 897 | 120 | 897 |
| Caj bank | 477 | 937 | 60 | 426 |
| Perjalanan dan penginapan pengarah | 5,557 | 20,758 | - | - |
| Telefon, pos dan setem | 715 | 744 | - | - |
| Parking dan petrol | 3,506 | 6,268 | - | - |
| Perbelanjaan pejabat | 5,713 | 5,129 | - | - |
| Caj kad kredit | 1,417 | 3,393 | - | - |
| Elektrik dan air | 741 | 2,397 | 741 | 2,397 |
| Insuran pengarah | 3,539 | 9,078 | 3,105 | - |
| Pakaian seragam | 906 | 2,396 | - | - |
| Kebajikan pekerja | 3,545 | 3,000 | - | - |
| Pengiklanan | 1,640 | 1,429 | - | - |
| Denda dan penalti | 60 | 50 | - | 50 |
| Kawalan keselamatan pejabat | - | 64,636 | - | - |
| Keraian | - | 226 | - | - |
| Baki dihantar ke mukasurat sebelah | 127,714 | 263,078 | 67,775 | 94,031 |

# KOSMA HOLDINGS SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## PERBELANJAAN PENTADBIRAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 - sambungan

| | KUMPULAN | | SYARIKAT | |
|---|---|---|---|---|
| | **2020 RM** | **2019 RM** | **2020 RM** | **2019 RM** |
| **LAIN-LAIN PERBELANJAAN** | | | | |
| Baki dari mukasurat sebelah | 127,714 | 263,078 | 67,775 | 94,031 |
| Yuran setiausaha | 5,965 | 6,000 | 1,260 | 1,260 |
| Kursus dan seminar | 1,950 | 200 | - | - |
| Yuran percukaian | 6,300 | 4,500 | 3,050 | 2,250 |
| Yuran akaun | | | | |
| - tahun semasa | - | 5,000 | - | 5,000 |
| - terkurang peruntuk tahun lalu | - | 4,500 | - | 4,500 |
| Caj booking.com | 7,216 | 1,119 | - | - |
| Yuran keahlian | 1,300 | 1,300 | - | - |
| Langganan internet & penyiaran | 86,064 | 96,130 | - | - |
| Yuran levi | 444 | 5,915 | - | - |
| Sewa mesin fotostat | - | 8,160 | - | - |
| Perbelanjaan setiausaha | - | 3,520 | 1,665 | 3,520 |
| Pelunasan | - | 4,387 | - | - |
| | 236,953 | 403,809 | 73,750 | 110,561 |
| **JUMLAH PERBELANJAAN PENTADBIRAN** | **376,657** | **594,458** | **73,750** | **110,631** |

# LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

# 2020

**KOSMA TOURISM SDN BHD**

No. Syarikat
289379 - H

# KOSMA TOURISM SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

# LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

No. Syarikat
289379 - H

# KOSMA TOURISM SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## ISI KANDUNGAN — MUKA SURAT


| ISI KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|
| Laporan Para Pengarah | 1 - 5 |
| Penyata Oleh Para Pengarah | 6 |
| Akuan Berkanun | 6 |
| Laporan Juruaudit Bebas | 7 - 10 |
| Penyata Kewangan | |
| Penyata Kedudukan Kewangan | 11 |
| Penyata Pendapatan dan (Kerugian) Terkumpul | 12 |
| Penyata Perubahan Dalam Ekuiti | 13 |
| Penyata Aliran Tunai | 14 |
| Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan | 15 - 24 |

No. Syarikat
289379 - H

# KOSMA TOURISM SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## LAPORAN PARA PENGARAH
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Para pengarah dengan sukacitanya mengemukakan laporan mereka dan penyata kewangan diaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

### AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat terdiri daripada perhotelan, kafeteria dan penyewaan premis. Tidak ada perubahan penting dalam kegiatan Syarikat di dalam tahun kewangan.

### KEPUTUSAN

| | 2020<br>RM |
|---|---|
| Kerugian sebelum cukai | 350,817 |
| Percukaian | - |
| Kerugian selepas cukai | 350,817 |

### DIVIDEN

Tiada dividen dibayar atau disytiharkan sejak akhir tahun kewangan yang lalu. Para pengarah tidak mencadangkan sebarang bayaran dividen akhir bagi tahun kewangan semasa.

### RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada sebarang pindahan nyata kepada atau dari rizab atau peruntukan dalam tahun kewangan.

### SAHAM DAN DEBENTUR

Syarikat tidak menerbitkan sebarang saham atau debentur sepanjang tahun kewangan.

### OPSYEN SAHAM

Tiada saham telah diberikan oleh Syarikat kepada mana-mana pihak sepanjang tahun kewangan untuk menggantikan saham Syarikat yang belum diterbitkan.

Tiada saham yang diterbitkan sepanjang tahun kewangan menurut kuasa yang dijalankan ke atas sebarang opsyen untuk menggantikan saham Syarikat yang belum diterbitkan. Pada akhir tahun kewangan, tiada saham Syarikat yang belum diterbitkan di bawah opsyen.

# KOSMA TOURISM SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## LAPORAN PARA PENGARAH
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 - sambungan

### PARA PENGARAH

Para pengarah yang telah memegang jawatan sejak tarikh laporan lepas adalah seperti berikut:-

| | |
|---|---|
| Zahari bin Abdul Aziz | (Dilantik pada 26.04.2021) |
| Radiatul Fitri bin Dollah | (Dilantik pada 26.04.2021) |
| Dato' Hj Md Yusli bin Ibrahim Mohd Yunos | (Dilantik pada 26.04.2021) |
| Saiful Edris bin Zainuddin | (Dilantik pada 26.04.2021) |
| Dato' Haji Zamri bin Mohamed | (Bersara pada 06.01.2021) |
| Rosnah binti Ja'afar | (Bersara pada 26.04.2021) |
| Saharuddin @ Shaharuddin bin Idris | (Bersara pada 26.04.2021) |
| Norizan binti Zainal Abidin | (Bersara pada 26.04.2021) |

### MANFAAT PARA PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada perjanjian yang diwujudkan di mana Syarikat merupakan satu pihak, dengan tujuan atau tujuan-tujuan bagi membolehkan para pengarah Syarikat memperolehi manfaat melalui pengambilalihan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat lain.

Sejak akhir tahun kewangan lepas, tiada pengarah yang menerima atau layak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang disertakan dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau sepatutnya diterima dan boleh diterima oleh para pengarah seperti ditunjukkan dalam penyata kewangan atau gaji tetap sebagai kakitangan sepenuh masa Syarikat) disebabkan oleh kontrak yang dibuat antara Syarikat atau Syarikat berkaitan dengan pengarah atau firma di mana pengarah berkenaan adalah ahli, atau dengan syarikat di mana pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

### KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Mengikut daftar pegangan saham para pengarah di bawah seksyen 59 Akta Syarikat, 2016, tiada pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai sebarang kepentingan dalam Syarikat atau Syarikat-syarikat berkaitannya sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

### GANJARAN PENGARAH

Jumlah ganjaran pengarah yang terdiri daripada elaun dan ganjaran yang diterima daripada Syarikat di dalam tahun adalah seperti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

## LAPORAN PARA PENGARAH
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 - sambungan

### MAKLUMAT BERKANUN LAIN

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang berpatutan:

(a) untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil berhubung penghapusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukan hutang ragu, dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan

(b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang tidak mungkin direalisasi nilai bukunya dalam urusan perniagaan biasa, telah diturunkan nilainya kepada satu jumlah dijangka akan dapat direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan:

(a) yang boleh menyebabkan jumlah penghapusan bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu di dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi pada tahap yang ketara; atau

(b) yang boleh menyebabkan nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan; atau

(c) yang timbul yang menyebakan kaedah semasa penilaian aset atau liabiliti Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai; atau

(d) yang tidak diuruskan di dalam laporan ini atau penyata kewangan yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang didedahkan di dalam penyata kewangan Syarikat masing-masing mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

(a) sebarang cagaran ke atas aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti sebarang pihak lain; atau

(b) sebarang liabiliti luar jangka bagi Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah dikuatkuasa, atau berkemungkinan akan dikuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang pada pendapat para pengarah, akan atau boleh menjejaskan dengan ketara kemampuan Syarikat untuk menunaikan kewajipannya apabila sampai masanya.

# KOSMA TOURISM SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## LAPORAN PARA PENGARAH
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 - sambungan

### MAKLUMAT BERKANUN LAIN - sambungan

Pada pendapat para pengarah:

- tiada perkara, urusniaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa yang telah berbangkit dalam tempoh dari akhir tahun ke tarikh laporan ini yang akan menjejaskan keputusan Syarikat bagi tahun pada tarikh laporan ini dibuat; dan

- wabak COVID-19 yang telah menular dengan cepat dalam tahun 2020 dengan sejumlah besar jangkitan dan diiktiraf sebagai pandemik, iaitu wabak yang menyerang dalam skop yang lebih besar dalam keadaan yang tidak dijangka dan tidak dapat dikenalpasti pengakhirannya, telah mempengaruhi aktiviti ekonomi Syarikat. Para pengarah menunjukkan kesediaan mereka untuk terus beroperasi dengan lebih komited dan efisien bagi menangani pandemik ini.

### PERBADANAN INDUK

Perbadanan induk ialah Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA), sebuah badan Koperasi yang diperbadankan di bawah Akta Koperasi 1948 (Semakan 1993).

### SYARIKAT INDUK

Syarikat induk ialah Kosma Holdings Sdn. Bhd. (No Syarikat 1083109 - V), sebuah Syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat, 1965.

### IMBUHAN JURUAUDIT

Jumlah dibayar atau akan diterima oleh juruaudit sebagai imbuhan ke atas perkhidmatan sebagai juruadit adalah seperti yang dinyatakan di penyata kewangan.

No. Syarikat
289379 - H

**KOSMA TOURISM SDN. BHD.**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**LAPORAN PARA PENGARAH**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 - sambungan**

**JURUAUDIT**

Juruaudit yang bersara, Tetuan Norila & Associates, telah menyatakan persetujuan untuk menyambung perkhidmatannya.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah,

**RADIATUL FITRI BIN DOLLAH**

**ZAHARI BIN ABDUL AZIZ**

KUANTAN
Tarikh : 2 6 APR 2021

No. Syarikat
289379 - H

**KOSMA TOURISM SDN. BHD.**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## PENYATA OLEH PARA PENGARAH

Menurut Seksyen 251 (2) Akta Syarikat, 2016

Para pengarah **KOSMA TOURISM SDN. BHD.** menyatakan bahawa, pada pendapat mereka, penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 11 hingga 24 disediakan menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 2016 memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Syarikat pada 31 Disember 2020 serta keputusan operasi dan aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah,

**RADIATUL FITRI BIN DOLLAH** **ZAHARI BIN ABDUL AZIZ**

KUANTAN
Tarikh: 2 6 APR 2021

## AKUAN BERKANUN

Menurut Seksyen 251 (1) (b) Akta Syarikat, 2016

Saya, **ZAHARI BIN ABDUL AZIZ,** pengarah terutamanya bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan **KOSMA TOURISM SDN. BHD.,** mengakui bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 11 hingga 24 adalah, pada sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, benar dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan mengenai kebenarannya serta menurut Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh )
penama di atas **ZAHARI BIN** )
**ABDUL AZIZ** di **KUANTAN** )
pada.....2 6 APR 2021.................... )

**ZAHARI BIN ABDUL AZIZ**

Dihadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No: C 077
Nama: AZIZ BIN JUSOH
01.01.2019
hingga
31.12.2021
MALAYSIA

A-143, TKT. 1, BGN. SRI PRIMA,
JALAN HJ. ABD. AZIZ,
25000 KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI**
**KOSMA TOURISM SDN. BHD. (289379-H)**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**Laporan Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Kami telah mengaudit penyata kewangan KOSMA TOURISM SDN. BHD., yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020, serta penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan di muka surat 11 hingga 24.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2020 serta prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia dan keperluan-keperluan Akta Syarikat, 2016.

**Asas-asas Pendapat**

Kami telah menjalankan pengauditan kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami yang dinyatakan dalam piawaian-piawaian tersebut diterangkan selanjutnya dalam laporan kami di bahagian Tanggungjawab Juruaudit terhadap Pengauditan Penyata Kewangan. Kami percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah terhadap pendapat kami.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Kami adalah bebas daripada Syarikat ini menurut By-Laws (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("By-Laws") dan Kod Etika Akauntan Profesional ("kod IESBA") Lembaga Paiwaian Etika Antarabangsa Akauntan, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain menurut By-Laws dan kod IESBA.

**Perkara yang perlu diberi Penekanan**

Merujuk kepada Nota dalam penyata kewangan, wabak COVID-19 telah menular dengan cepat dalam tahun 2020 dengan sejumlah besar jangkitan dan diiktiraf sebagai pandemik. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk membendung penularan pandemik ini telah mempengaruhi aktiviti ekonomi Syarikat. Kumpulan dan Perbadanan menghadapi kesukaran di dalam menilai kesan keadaan ini terhadap aktiviti ekonomi pada keadaan ini. Pendapat kami tidak diubahkan berkenaan dengan perkara ini.



HEAD OFFICE : Suite 2.02, Tingkat 2, Jalan Teluk Sisek, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur
Tel: 09-5143105 Fax: 09-5158967 E-mail: norilaassociates@gmail.com

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI KOSMA TOURISM SDN. BHD. (289379-H) - sambungan
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit**

Para pengarah adalah bertanggungjawab terhadap maklumat lain. Maklumat lain merangkumi Laporan Pengarah tetapi tidak termasuk penyata kewangan Syarikat dan laporan juruaudit.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Syarikat tidak termasuk laporan pengarah dan kami tidak memberi sebarang kesimpulan jaminan mengenainya.

Sehubungan dengan pengauditan kami terhadap penyata kewangan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca laporan para pengarah dan dengan berbuat demikian, kami dapat mempertimbangkan sama ada laporan para pengarah tersebut tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Syarikat mahupun pengetahuan yang kami perolehi semasa pengauditan atau salah nyata yang ketara.

Jika, berdasarkan kerja yang telah dijalankan oleh kami, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam laporan para pengarah, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tiada apa-apa untuk melaporkan dalam hal ini.

**Tanggugjawab Para Pengarah terhadap Penyata Kewangan**

Para pengarah adalah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Syarikat yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia dan keperluan-keperluan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia. Para pengarah juga bertanggungjawab bagi kawalan dalaman sedemikian sebagaimana yang ditentukan oleh para pengarah sebagai keperluan untuk memastikan penyediaan penyata kewangan yang bebas dari salah nyata ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Syarikat, para pengarah adalah bertanggungjawab menilai keupayaan Syarikat beroperasi sebagai suatu usaha berterusan dan juga mendedahkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan serta menggunakan asas perakaunan untuk usaha berterusan melainkan jika para pengarah berhasrat untuk membubarkan Syarikat atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.



HEAD OFFICE : Suite 2.02, Tingkat 2, Jalan Teluk Sisek, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur
Tel: 09-5143105 Fax: 09-5158967 E-mail: norilaassociates@gmail.com

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI KOSMA TOURISM SDN. BHD. (289379-H) - sambungan**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**Tanggungjawab Juruaudit terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah memperolehi jaminan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan Syarikat secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan suatu laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia berlaku. Salah nyata yang ketara boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan adalah dianggap ketara jika, secara individu atau terkumpul, ia boleh dijangkakan dengan munasabah dan boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Syarikat, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit bersesuaian dengan risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah terhadap pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan secara sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman yang relevan kepada audit agar dapat merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan tujuan memberikan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Syarikat.

- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan serta pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para pengarah.

- Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh pengarah, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Syarikat untuk beroperasi sebagai suatu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian wujud, kami dikehendaki menyatakan dalam laporan juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Syarikat atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Syarikat menghentikan operasi sebagai suatu usaha berterusan.



HEAD OFFICE : Suite 2.02, Tingkat 2, Jalan Teluk Sisek, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
Tel: 09-5143105 Fax: 09-5158967 E-mail: norilaassociates@gmail.com

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI**
**KOSMA TOURISM SDN. BHD. (289379-H) - sambungan**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**Tanggungjawab Juruaudit terhadap Pengauditan Penyata Kewangan - sambungan**

- Menilai pembentangan secara keseluruhan, struktur dan isi kandungan penyata kewangan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili urus niaga dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Para Pengarah mengenai, antara lain, skop yang telah dirancang dan masa menjalankan audit dan penemuan-penemuan audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan-kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa menjalankan audit.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Kawal Selia Yang Lain**

Menurut keperluan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta.

**Perkara-Perkara Lain**

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 266 Akta Syarikat, 2016 di Malaysia dan bukan untuk tujuan yang lain. Kami tidak memikul tanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain mengenai kandungan laporan ini.

| | |
|---|---|
| **NORILA & ASSOCIATES** | **DATIN HAJAH NORILA** |
| **(AF No : 1324)** | **BINTI HAJI YAHYA** |
| Akauntan-akauntan Bertauliah | **[No. : 2116/12/22 (J)]** |
| | Akauntan Bertauliah |

KUANTAN
Tarikh : 26 APR 2021



HEAD OFFICE : Suite 2.02, Tingkat 2, Jalan Teluk Sisek, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
Tel: 09-5143105 Fax: 09-5158967 E-mail: norilaassociates@gmail.com

AF 1324

# KOSMA TOURISM SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
## PADA 31 DISEMBER 2020

| | NOTA | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|---|
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | **4** | 1,134,690 | 1,188,451 |
| Aset cukai tertunda | **5** | 121,485 | 66,615 |
| | | 1,256,175 | 1,255,066 |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Inventori | **6** | - | 5,882 |
| Penghutang dagangan dan lain-lain penghutang | **7** | 92,019 | 89,616 |
| Terhutang oleh perbadanan induk | **8** | 57,834 | 58,867 |
| Tunai dan kesetaraan tunai | **9** | 111,792 | 300,342 |
| Jumlah Aset Semasa | | 261,645 | 454,707 |
| **JUMLAH ASET** | | **1,517,820** | **1,709,773** |
| **EKUITI DAN RIZAB** | | | |
| Modal saham | **10** | 1,861,315 | 1,861,315 |
| (Kerugian) terkumpul | | (764,556) | (413,739) |
| **JUMLAH EKUITI** | | 1,096,759 | 1,447,576 |
| **LIABILITI BUKAN SEMASA** | | | |
| Liabiliti cukai tertunda | **5** | 7,197 | 8,550 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Pemiutang dagangan dan lain-lain pemiutang | **11** | 88,769 | 144,394 |
| Terhutang kepada perbadanan induk | **8** | 152,646 | 4,146 |
| Terhutang kepada syarikat induk | **12** | 61,518 | 61,518 |
| Percukaian | | 110,931 | 43,589 |
| **JUMLAH LIABILITI** | | 421,061 | 262,197 |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | **1,517,820** | **1,709,773** |

Nota-nota di muka surat 15 hingga 24 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

No. Syarikat
289379 - H

# KOSMA TOURISM SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## PENYATA PENDAPATAN DAN (KERUGIAN) TERKUMPUL BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | NOTA | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|---|
| Hasil | **13** | 951,728 | 1,358,729 |
| Kos langsung | | (1,179,358) | (1,300,424) |
| Keuntungan kasar | | (227,630) | 58,305 |
| Pendapatan lain | | 179,720 | 14,214 |
| Perbelanjaan pentadbiran | | (302,907) | (479,440) |
| (Kerugian) sebelum cukai | **14** | (350,817) | (406,921) |
| Percukaian | **15** | - | - |
| (Kerugian) bagi tahun kewangan | | (350,817) | (406,921) |
| (Kerugian) terkumpul pada 01 Januari | | (413,739) | (6,818) |
| **(Kerugian) terkumpul pada 31 Disember** | | **(764,556)** | **(413,739)** |

Nota-nota di muka surat 15 hingga 24 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

No. Syarikat
289379 - H

# KOSMA TOURISM SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | Modal Saham RM | (Kerugian) Terkumpul RM | Jumlah Ekuiti RM |
|---|---|---|---|
| **Baki pada 01 Januari 2019** | 1,861,315 | (6,818) | 1,854,497 |
| (Kerugian) bagi tahun kewangan selepas cukai | - | (406,921) | (406,921) |
| **Baki pada 31 Disember 2019** | **1,861,315** | **(413,739)** | **1,447,576** |
| (Kerugian) bagi tahun kewangan selepas cukai | - | (350,817) | (350,817) |
| **Baki pada 31 Disember 2020** | **1,861,315** | **(764,556)** | **1,096,759** |

Nota-nota di muka surat 15 hingga 24 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

No. Syarikat
289379 - H

# KOSMA TOURISM SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | NOTA | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | | |
| (Kerugian) sebelum cukai | | (350,817) | (406,921) |
| Pelarasan untuk : | | | |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | | 38,730 | 42,694 |
| Pelupusan hartanah, loji dan peralatan | | 16,671 | - |
| (Kerugian) operasi sebelum perubahan dalam modal kerja | | (295,416) | (364,227) |
| Pengurangan / (Pertambahan) dalam inventori | | 5,882 | (5,882) |
| (Pertambahan) dalam penghutang dagangan dan lain-lain penghutang | | (2,403) | (9,079) |
| (Pengurangan) / Pertambahan dalam pemiutang dagangan dan lain-lain pemiutang | | (55,625) | 54,010 |
| Pengurangan / (Pertambahan) bersih dalam terhutang oleh perbadanan induk | | 149,533 | (2,137) |
| Pertambahan dalam terhutang kepada syarikat induk | | - | 40,432 |
| Tunai (digunakan dalam) aktiviti operasi | | (198,029) | (286,883) |
| Bayaran cukai | | (4,683) | (3,860) |
| Lebihan cukai dikembalikan | | 15,802 | - |
| Tunai bersih (digunakan dalam) aktiviti operasi | | (186,910) | (290,743) |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | | |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan | | (1,640) | (51,101) |
| Tunai bersih (digunakan dalam) aktiviti pelaburan | | (1,640) | (51,101) |
| (Pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | | (188,550) | (341,844) |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada 01 Januari** | | **300,342** | **642,186** |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember** | **9** | **111,792** | **300,342** |

Nota-nota di muka surat 15 hingga 24 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# KOSMA TOURISM SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 1. MAKLUMAT AM

Syarikat adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Pejabat berdaftar beralamat di No. 11, Tingkat 1 (Malay Town), Jalan Putra Square 2, Putra Square, 25200, Kuantan Pahang.

Tempat perniagaan utama Syarikat beralamat di B12, Tingkat Bawah, Jalan Tun Ismail 1/1, 25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Aktiviti utama Syarikat terdiri daripada perhotelan, kafeteria dan penyewaan premis.

Matawang fungsian Syarikat adalah Ringgit Malaysia (“RM”), dimana aktiviti utama jualan dan pembelian adalah dalam RM, perolehan daripada operasi biasanya disimpan dalam RM dan dana daripada aktiviti pembiayaan terutamanya diperolehi dalam RM.

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah pada 26 April 2021.

### 2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan telah disediakan pada asas kos sejarah dan telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") dan peruntukan Akta Syarikat Malaysia 2016.

### 3. DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten di dalam perkara-perkara yang dianggap penting berkaitan dengan penyata kewangan.

## 3. DASAR PERAKAUNAN PENTING - sambungan

### 3.1 Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos sesuatu item bagi hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Syarikat dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat. Selepas diiktiraf sebagai aset, semua item hartanah, loji dan peralatan adalah diukur pada kos ditolak sebarang susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Kecuali bagi tanah pegangan bebas dan hartanah di bawah pembinaan yang tidak disusutnilai, susutnilai disediakan atas kaedah garis lurus untuk menghapuskira amaun yang boleh disusutnilai sepanjang jangka hayat bergunanya, seperti berikut :

| | % |
|---|---|
| Tanah, bangunan, stok asas | 2.5 |
| Perabot dan kelengkapan | 20 |
| Ubahsuai | 10 |
| Peralatan pejabat | 10 |
| Sistem hotel | 10 |
| Papan tanda | 20 |

Susutnilai aset bermula apabila ianya sedia untuk digunakan.

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, hayat berguna atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

Amaun bawaan bagi item hartanah, loji dan peralatan tidak lagi diiktiraf ke atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan item hartanah, loji dan peralatan, ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih, jika ada, dan amaun bawaan item, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Sama ada perolehan jualan atau sebarang keuntungan ke atas pelupusan tidak dikelaskan sebagai hasil.

### 3.2 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

## 3. DASAR PERAKAUNAN PENTING - sambungan

### 3.2 Aset Kewangan - sambungan

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori : aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

### 3.3 Liabiliti dan Ekuiti

(a) Instrumen Ekuiti

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

Instrumen ekuiti adalah sebarang kontrak yang berbukti baki kepentingan dalam aset Syarikat selepas ditolak semua liabilitinya. Instrumen ekuiti diterbitkan oleh Syarikat adalah diukur pada nilai saksama tunai atau sumber lain diterima, selepas ditolak kos langsung terbitan instrumen ekuiti. Sekiranya bayaran ditunda dan nilai masa wang adalah ketara, pengukuran awal hendaklah berdasarkan pada asas nilai semasa.

(b) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosotnilai.

# KOSMA TOURISM SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 - sambungan

### 3. DASAR PERAKAUNAN PENTING - sambungan

3.4 Cukai Pendapatan

Cukai yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh dicukai bagi tempoh semasa dan lalu diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa setakat yang tidak terbayar. Jika amaun yang dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan lalu melebihi amaun yang perlu dibayar bagi tempoh-tempoh itu, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa.

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada amaun yang dijangka akan dibayar atau dipulih, menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

Liabiliti dan aset cukai semasa diimbangi hanya apabila Syarikat mempunyai hak yang sah disisi undang-undang untuk mengimbangkan amaun dan berhasrat sama ada untuk menyelesaikan pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

3.5 Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya ke atas perbezaan sementara yang merupakan perbezaan di antara amaun bawaan dalam penyata kewangan dan asas cukai yang sama bagi aset dan liabiliti pada akhir tempoh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai yang dijangka meningkatkan keuntungan boleh dicukai pada masa depan. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak yang dijangka akan mengurangkan keuntungan boleh cukai pada masa depan dan kerugian cukai tidak digunakan yang dibawa ke hadapan dan kredit cukai yang tidak digunakan.

Liabiliti dan aset cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa urusniaga, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai. Liabiliti cukai tertunda juga tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal muhibah.

Liabiliti dan aset cukai tertunda menggambarkan akibat cukai yang akan mengikuti daripada cara Syarikat menjangkakan untuk mendapatkan semula atau menyelesaikan amaun bawaan aset dan liabiliti dan diukur pada kadar cukai dan undang-undang yang dijangka akan digunakan untuk tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

## 3. DASAR PERAKAUNAN PENTING - sambungan

### 3.6 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai dalam penyata aliran tunai meliputi baki tunai dan bank dan deposit tetap.

### 3.7 Hasil

Hasil diukur pada nilai saksama atas pertimbangan yang diterima atau akan diterima, selepas ditolak sebarang diskaun perdagangan, diskaun penyelesaian segera, jumlah rebat dan cukai tidak langsung yang terpakai kepada hasil. Hasil diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian berdasarkan berikut :

(a) Hasil Sewa

Hasil sewa bilik adalah diiktiraf pada asas terimaan apabila bilik diduduki, manakala hasil sewa hartanah diiktiraf pada asas akuan selaras dengan isi perjanjian apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manafaat ekonomi yang berkaitan dengan urusniaga akan mengalir kepada Syarikat dan amaun hasil boleh diukur dengan munasabah.

(b) Keuntungan simpanan

Keuntungan simpanan diiktiraf mengikut asas akruan.

## 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Tanah RM | Stok Asas RM | Perabot dan Kelengkapan RM | Bangunan dan Ubahsuai RM | Peralatan pejabat RM | Sistem Hotel RM | Papan Tanda RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | | | | | |
| Pada 01 Januari 2020 | 813,350 | 21,090 | 202,835 | 1,139,475 | 45,163 | 14,936 | 4,000 | 2,240,849 |
| Tambahan | - | - | 1,640 | - | - | - | - | 1,640 |
| Pelupusan | - | - | (20,839) | - | - | - | - | (20,839) |
| Pada 31 Disember 2020 | 813,350 | 21,090 | 183,636 | 1,139,475 | 45,163 | 14,936 | 4,000 | 2,221,650 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | | | | |
| Pada 01 Januari 2020 | - | - | 145,836 | 873,529 | 29,693 | 2,540 | 800 | 1,052,398 |
| Tambahan | - | - | 13,985 | 19,705 | 2,746 | 1,494 | 800 | 38,730 |
| Pelupusan | - | - | (4,168) | - | - | - | - | (4,168) |
| Pada 31 Disember 2020 | - | - | 155,653 | 893,234 | 32,439 | 4,034 | 1,600 | 1,086,960 |
| **Amaun Bawaan** | | | | | | | | |
| **Pada 31 Disember 2019** | **813,350** | **21,090** | **56,999** | **265,946** | **15,470** | **12,396** | **3,200** | **1,188,451** |
| **Pada 31 Disember 2020** | **813,350** | **21,090** | **27,983** | **246,241** | **12,724** | **10,902** | **2,400** | **1,134,690** |

## 5. ASET CUKAI TERTUNDA

| | 2020 RM | 2019 RM |
|---|---|---|
| **Aset cukai tertunda** | | |
| Elaun modal belum diserap | 11,265 | 6,897 |
| Kerugian cukai belum digunakan | 110,220 | 59,718 |
| Perbezaan sementara hartanah, loji dan peralatan bercukai | - | (8,550) |
| | 121,485 | 58,065 |
| Liabiliti cukai tertunda dilaporkan semula | - | 8,550 |
| **Dilaporkan semula** | **121,485** | **66,615** |
| **Liabiliti cukai tertunda** | | |
| Perbezaan sementara hartanah, loji dan peralatan bercukai | **7,197** | **8,550** |
| | 114,288 | 58,065 |

## 5. ASET CUKAI TERTUNDA -sambungan

Peningkatan bersih dalam aset cukai tertunda dalam tahun kewangan 2020 disebabkan oleh caj susutnilai adalah lebih tinggi daripada tuntutan elaun modal bagi perbelanjaan yang dibenarkan untuk hartanah, loji dan peralatan dan peningkatan dalam kerugian dan elaun modal yang boleh dituntut.

## 6. INVENTORI

Inventori terdiri daripada barangan runcit untuk memasak di kafeteria dan dinyatakan pada kos. Tiada inventori dilaporkan dalam tahun kewangan.

## 7. PENGHUTANG DAGANGAN DAN LAIN-LAIN PENGHUTANG

| | **2020**<br>**RM** | **2019**<br>**RM** |
|---|---:|---:|
| Penghutang perdagangan | 60,796 | 52,539 |
| Deposit dan prabayar | 31,223 | 37,077 |
| | **92,019** | **89,616** |

## 8. TERHUTANG OLEH / KEPADA PERBADANAN INDUK

Perbadanan induk ialah Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA), sebuah badan Koperasi yang diperbadankan di bawah Akta Koperasi 1948 (Semakan 1993). Jumlah terhutang oleh / kepada perbadanan induk adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tanpa tempoh pembayaran balik yang tetap.

## 9. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Polisi pengurusan tunai Syarikat adalah menggunakan tunai baki di bank dan deposit tetap Syarikat yang belum matang untuk menguruskan aliran tunai bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk memenuhi obligasi Syarikat.

Komponen tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada :-

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Tunai di tangan | 4,838 | 6,483 |
| Baki di bank | 106,954 | 193,859 |
| Deposit tetap | - | 100,000 |
| | **111,792** | **300,342** |

## 10. MODAL SAHAM

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| **Modal saham diterbitkan dan dibayar penuh:** | | |
| 1,861,315 unit saham biasa dengan tiada nilai nominal | **1,861,315** | **1,861,315** |

## 11. PEMIUTANG DAGANGAN DAN LAIN-LAIN PEMIUTANG

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Pemiutang dagangan | 68,200 | 94,946 |
| Lain-lain pemiutang dan akruan | 20,569 | 49,448 |
| | **88,769** | **144,394** |

## 12. TERHUTANG KEPADA SYARIKAT INDUK

Terhutang kepada syarikat induk adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tanpa tempoh pembayaran balik yang tetap.

## 13. HASIL

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Sewa bilik hotel | 672,600 | 1,028,545 |
| Sewa premis | 15,675 | 20,800 |
| Sewa dewan | 16,012 | 10,325 |
| Jualan kafeteria | 247,441 | 299,059 |
| | **951,728** | **1,358,729** |

## 14. (KERUGIAN) SEBELUM CUKAI

(Kerugian) sebelum cukai diperolehi :

| Selepas dikenakan : | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Elaun mesyuarat pengarah | 8,500 | 12,650 |
| Perjalanan dan penginapan pengarah | 5,557 | 20,758 |
| Insuran pengarah | 434 | 9,078 |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | 38,730 | 42,694 |
| Imbuhan juruaudit | | |
| - tahun semasa | 6,000 | 6,650 |
| - terkurang peruntuk tahun lalu | - | 3,050 |
| Pelupusan hartanah, loji dan peralatan | 16,671 | - |
| Dan dikreditkan : | | |
| Keuntungan simpanan Mudharabah | 920 | 13,574 |

## 15. PERCUKAIAN

Tiada cukai dikenakan bagi tahun ini kerana Syarikat di dalam kerugian cukai. Pada 31 Disember 2020, Syarikat mempunyai kerugian cukai belum diserap sebanyak RM294,217 (2019 : RM351,284) dan elaun modal sebanyak RM38,070 (2019 : RM40,570) yang boleh diserapkan oleh keuntungan masa hadapan yang akan dikenakan cukai. Ini adalah tertakluk kepada Persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

## 16. ANGKA BANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka perbandingan tertentu di dalam penyata kewangan telah disusun semula untuk disesuaikan dengan persembahan tahun semasa dengan tidak memberi apa-apa kesan ke atas kedudukan kewangan tahun berkenaan.

## 17. PERISTIWA-PERISTIWA SUSULAN

Pada 16 Mac 2020, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bagi membendung penyebaran wabak COVID-19 di Malaysia. Pelaksanaan perintah ini berdasarkan Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1987.

Wabak COVID-19 telah merebak dengan pantas pada tahun 2020 dengan sejumlah besar jangkitan. Pelbagai langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk membendung virus ini dan langkah tersebut telah mempengaruhi kegiatan ekonomi di Malaysia.

Pihak Syarikat telah mengambil beberapa tindakan untuk memantau dan mencegah virus COVID-19 terutama langkah keselamatan dan kesihatan untuk kakitangan (seperti penjarakan sosial dan bekerja di rumah) dan menjamin bekalan bahan keperluan bagi proses pengeluaran Syarikat adalah mencukupi. Pada masa ini, kesan wabak COVID-19 terhadap perniagaan dan hasil Syarikat adalah terhad untuk dikenalpasti. Pihak kami akan terus mematuhi pelbagai dasar dan nasihat yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan. Namun pada masa yang sama pihak Syarikat akan melakukan yang terbaik untuk meneruskan operasi Syarikat tanpa membahayakan kesihatan kakitangan.

Oleh kerana pandemik ini adalah keadaan yang tidak dapat dijangka dan tidak diketahui bila ia berakhir, pihak pengurusan akan lebih komited dalam menilai kesannya dari semasa ke semasa.

## 18. KEBENARAN BAGI TERBITAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Syarikat telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah pada 26 April 2021.

No. Syarikat
289379 - H

## KOSMA TOURISM SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF TERPERINCI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | LAMPIRAN | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| Sewa bilik hotel | | 672,600 | 1,028,545 |
| Sewaan premis | | 15,675 | 20,800 |
| Sewaan dewan | | 16,012 | 10,325 |
| Jualan kafeteria | | 247,441 | 299,059 |
| | | 951,728 | 1,358,729 |
| **KOS LANGSUNG** | | | |
| Gaji dan elaun | | 504,930 | 590,404 |
| KWSP | | 59,796 | 65,856 |
| PERKESO | | 8,837 | 9,780 |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | | 38,730 | 42,694 |
| Cucian linen / dobi | | 32,392 | 51,357 |
| Pembaikan dan penyelenggaraan | | 57,656 | 68,259 |
| Barang keperluan bilik | | 28,529 | 28,629 |
| Barang keperluan kafeteria | | 202,062 | 141,303 |
| Sewa kafeteria | | 10,500 | 16,500 |
| Perubatan | | 14,055 | 13,125 |
| Elektrik dan air | | 155,859 | 222,133 |
| Telefon dan faks | | 16,007 | 19,597 |
| Cukai pintu dan taksiran | | 4,750 | 5,247 |
| Insuran kakitangan | | 11,002 | 22,610 |
| Insuran bangunan | | 3,486 | 1,901 |
| Lesen perniagaan | | 13,905 | 6,911 |
| Penyelenggaraan kenderaan | | 191 | - |
| Pelupusan hartanah, loji dan peralatan | | 16,671 | - |
| | | 1,179,358 | 1,306,306 |
| **INVENTORI AKHIR** | | - | (5,882) |
| | | 1,179,358 | 1,300,424 |
| **(KERUGIAN) / KEUNTUNGAN KASAR** | | **(227,630)** | **58,305** |
| **PENDAPATAN LAIN** | | | |
| Keuntungan simpanan Mudharabah | | 920 | 13,574 |
| Subsidi gaji Prihatin SOCSO | | 178,800 | - |
| Pelbagai pendapatan | | - | 640 |
| | | 179,720 | 14,214 |
| | | **(47,910)** | **72,519** |
| **PERBELANJAAN PENTADBIRAN** | 1 | **(302,907)** | **(479,440)** |
| **(KERUGIAN) BAGI TAHUN** | | **(350,817)** | **(406,921)** |

Untuk rujukan pihak pengurusan sahaja.

No. Syarikat
289379 - H

# KOSMA TOURISM SDN. BHD.
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## PERBELANJAAN PENTADBIRAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| **KOS PEKERJA** | | |
| Gaji dan elaun | 121,822 | 166,444 |
| KWSP | 15,544 | 20,988 |
| PERKESO | 2,338 | 3,147 |
| | 139,704 | 190,579 |
| **LAIN-LAIN PERBELANJAAN** | | |
| Elaun mesyuarat pengarah | 8,500 | 12,650 |
| Langganan internet dan penyiaran | 86,064 | 96,130 |
| Perjalanan dan penginapan pengarah | 5,557 | 20,758 |
| Cetak dan alatulis | 15,702 | 16,633 |
| Perubatan | 5,157 | 10,212 |
| Imbuhan juruaudit | | |
| - tahun semasa | 6,000 | 6,650 |
| - terkurang peruntuk tahun lalu | - | 3,050 |
| Parking dan petrol | 3,506 | 6,268 |
| Yuran levi | 444 | 5,915 |
| Perbelanjaan pejabat | 5,713 | 5,129 |
| Yuran setiausaha | 3,040 | 4,740 |
| Caj kad kredit | 1,417 | 3,393 |
| Yuran percukaian | 3,250 | 2,250 |
| Yuran keahlian | 1,300 | 1,300 |
| Caj online | 7,216 | 1,119 |
| Perbelanjaan mesyuarat | 670 | 767 |
| Pos & setem | 715 | 744 |
| Caj bank | 417 | 511 |
| Kursus & seminar | 1,950 | 200 |
| Insuran pengarah | 434 | 9,078 |
| Kebajikan pekerja | 3,545 | 3,000 |
| Pakaian seragam | 906 | 2,396 |
| Pengiklanan | 1,640 | 1,429 |
| Denda dan kompaun | 60 | - |
| Kawalan keselamatan pejabat | - | 64,636 |
| Sewa mesin fotostat | - | 8,160 |
| Perjalanan dan penginapan | - | 1,517 |
| Keraian | - | 226 |
| | 163,203 | 288,861 |
| **JUMLAH PERBELANJAAN PENTADBIRAN** | **302,907** | **479,440** |

Untuk rujukan pihak pengurusan sahaja.

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD
B8032, Sri Kuantan Square, Jalan Telok Sisek,
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
Tel : 09 517 7977 / 09 517 7980 Fax : 09 513 7190
www.kosma.com.my